



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 2

Rabu

2 September 2020

K A N D U N G A N

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA	(Halaman	1)
- Tuan Yang di-Pertua Mengangkat Sumpah	(Halaman	8)
- Ucapan Terima Kasih dan Penghargaan Oleh Tuan Yang di-Pertua	(Halaman	8)
MENGANGKAT SUMPAA EMPAT ORANG AHLI		
- Lantikan Baharu	(Halaman	12)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA :		
- Mengalu-alukan Empat Orang Ahli Baharu	(Halaman	12)
- Ahli-ahli Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman	14)
- Teks Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman	15)
- Memperkenankan Akta-akta	(Halaman	15)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	16)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman	17)
PROSEDUR OPERASI STANDARD PERSIDANGAN DEWAN NEGARA	(Halaman	17)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	18)
USUL:		
- Jalan-jalan Masuk ke Parlimen	(Halaman	37)
- Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [YB Senator Datuk Razali bin Idris]	(Halaman	37)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA

Rabu, 2 September 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MEMILIH TUAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Perkara 56 Perlembagaan Persekutuan dan mengikut aturan yang dinyatakan di dalam Peraturan Mesyuarat 1, Majlis Mesyuarat Dewan Negara akan menjalankan urusan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Selaras dengan Peraturan Mesyuarat 2(1), Setiausaha Dewan Negara telah menerima tiga cadangan untuk pemilihan Tuan Yang di-Pertua. Cadangan itu datanginya daripada:

- (i) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (ii) Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah; dan
- (iii) Yang Berhormat Senator Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya.

Setiausaha: Dengan hormatnya dipersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1), beliau telah memastikan bahawa Yang Berhormat Tan Sri bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih. Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan tersebut.

Setiausaha: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah untuk mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff untuk dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua dan mengikut Peraturan Mesyuarat 2(1). Saya telah memastikan bahawa beliau bersetuju untuk berkhidmat jika dipilih. Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Setiausaha: Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya untuk mengemukakan cadangan memilih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Haji Marzuki bin Yahya: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan di sini bahawa Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind telah membuat keputusan untuk menarik diri dari mencalonkan diri beliau sebagai Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab terdapat lebih dari seorang yang telah dicadangkan dan disokong untuk menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3) Majlis Mesyuarat akan membuat pilihan memilih Tuan Yang di-Pertua dengan undi bersurat.

Tuan Ngo Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa pencalonan *or nomination of* Yang Amat Berhormat tidak teratur dan mematuhi *Standing Order 2* yang berbunyi; "*Aturan memilih Tuan Yang di-Pertua hendaklah seperti yang tersebut di bawah ini; tiap-tiap Ahli yang hendak mencadangkan nama Ahli hendaklah dipilih jadi Tuan Yang di-Pertua mesti memastikan terlebih dahulu iaitu Ahli itu suka berkhidmat jika dia dipilih dan hendaklah memberitahu Setiausaha akan cadangannya sekurang-kurangnya dua hari sebelum diadakan mesyuarat*".

■1010

Saya ingin berhujah bahawa Yang Amat Berhormat bukan seorang Ahli Dewan Negara. Oleh itu, beliau tidak berhak mencadangkan atau memilih pencalonan- maaf, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya berhujah bahawa oleh kerana Yang Amat Berhormat bukan seorang Ahli Dewan Negara, maka Yang Amat Berhormat tidak berhak mencalonkan Tan Sri Rais Yatim sebagai calon untuk jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Bukan sahaja *Standing Order*, kita boleh juga rujuk kepada Perlembagaan Persekutuan di mana Fasal 56 yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua, *it says, "The Senate shall from time to time choose one of its members to be Yang di- Pertua Dewan Negara (President of the Senate) and one to be Deputy of the Senate, and shall, subject to Clause*

(3), *transact no business while the office of President is vacant other than the election of a President.*"

Jadi, *the Senate* pun ada *the defined* dalam *Interpretation Act as, I refer to the Interpretation Act on the meaning of Senate. It says-* adalah dinyatakan dengan terang-
"Senate" or "Dewan Negara" means the Dewan Negara established by Article 44 of the Federal Constitution". Ertinya, *Senator means a member of the Senate*. Jadi, adalah jelas Yang Amat Berhormat bukan seorang Ahli Dewan Negara, beliau hanya Ahli Dewan Rakyat.

Jadi, untuk pemilihan jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berhak mengambil bahagian sebab *election* adalah termasuk *nomination* di sisi undang-undang.

So, dengan segala hormatnya, saya menghujahkan bahawa pencalonan oleh Yang Amat Berhormat harus ditolak... [Tepuk] Saya juga ingin menjelaskan bahawa, saya tidak ada apa-apa pergaduhan dengan mana-mana calon atau perselisihan faham dengan sesiapa. Tujuan saya adalah mempertahankan kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan Persekutuan... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa ada peruntukan fasal 61(1) yang berbunyi, "*In addition to the rights as a member of one of the Houses of Parliament, every member of the Cabinet shall have the right to take part in the proceedings of the other House*". "*To take part in the proceedings*" biasanya kita tahu Yang Berhormat Menteri datang ke Dewan Negara untuk jawab soalan, untuk *introduce bill*. Akan tetapi kita ada peruntukan spesifik bagi pemilihan jawatan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itu mesti terpakai. *In other words, the specific provisions must overwrite any general provisions to take part in proceedings. It cannot be interpreted to include nominating a candidate for the post of Yang di-Pertua Dewan Negara*.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pencalonan Tan Sri Rais Yatim tidak teratur, saya memohon pencalonan Yang Berhormat Senator Yusmadi diumumkan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara tanpa pertandingan... [Tepuk] *It should be declared written unopposed because the nomination of the first candidate is defective in law because it being proposed by a person not authorized to do so*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mendengar dengan penuh teliti dan faham. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan Ahli Dewan Negara, namun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Ketua Majlis yang menetapkan tarikh-tarikh Majlis Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan bermesyuarat. Rujuk Peraturan Mesyuarat 10(1) dan (2). Memandangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Ketua Majlis yang turut disebut dalam Peraturan Mesyuarat 10(2) Dewan Negara, dapat disimpulkan bahawa Perdana Menteri adalah sebahagian daripada Dewan Negara...

[Tepuk]Tiada dinyatakan dalam mana-mana peruntukan Peraturan Mesyuarat bahawa hanya Ahli sahaja yang boleh mencalonkan seorang sebagai calon Tuan Yang di-Pertua.

Peraturan Mesyuarat 2(1) menyatakan jika seorang Ahli ingin mencalonkan Ahli yang lain, Ahli yang ingin mencalonkan tersebut perlu memastikan calon suka untuk berkhidmat dan perlu membuat pencalonan sekurang-kurangnya dua hari sebelum mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 2 tidak menyatakan hanya seorang Ahli yang boleh mencalonkan Ahli yang lain sebagai calon Yang di-Pertua Dewan Negara. Itulah sebenarnya... [Tepuk] Dia ada hak ya. Terima kasih. Itu saya kata bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada hak dia.

Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Dewan Negara, bukan peguam, saya tetap berpegang kepada Peraturan Mesyuarat Dewan Negara. Saya berpegang kepada Peraturan 2(1), "*Tiap-tiap Ahli*". Ahli maksudnya ialah "Ahli Dewan Negara".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan Ahli Dewan Negara. Maka sebab itu saya tidak terima pencalonan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencalonkan Tan Sri Rais Yatim sebagai calon Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sebagaimana dibahaskan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Nga bahawa pencalonan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tidak sah dan tidak boleh diterima. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk bercakap bagi pihak kerajaan.

Saya sekali lagi merujuk kepada Peraturan Mesyuarat yang telah dirujuk oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu Peraturan Mesyuarat 10(2) yang jelas menyatakan bahawa untuk membolehkan Dewan Negara ini dipanggil, maka saya mohon izin untuk membaca Peraturan Mesyuarat 10(2) menyatakan bahawa... [Menoleh kepada Tuan Yang di-Pertua]

■1020

Mohon saya teruskan. "*Tertakluk kepada perenggan (1), Ketua atau Timbalan Ketua Majlis hendaklah menetapkan, sekurang-kurangnya 28 hari sebelum permulaan tiap-tiap penggal, tarikh-tarikh Majlis akan bermesyuarat dalam penggal itu.*"

Saya ingin menyatakan bahawa Ketua Majlis untuk kedua-dua Majlis Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, manakala Timbalan Ketua Majlis kebiasaannya kepada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Akan tetapi disebabkan tidak ada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk kerajaan sekarang ini, maka seorang Yang Berhormat Menteri Kanan telah dilantik dalam konteks Majlis iaitu Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Sekiranya Ketua Majlis iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dikatakan tidak mempunyai hak untuk mengemukakan pencalonan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Persoalannya, adakah persidangan ini sah? Oleh kerana persidangan Dewan Negara dipanggil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis. Saya berhujah bahawa oleh kerana Ketua Majlis mempunyai hak di sisi undang-undang dan juga *standing order* untuk memanggil Majlis ini, maka persoalan mencalonkan Tuan Yang di-Pertua, beliau adalah dianggap sebagai Ahli kepada Majlis iaitu Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara...

Tuan Nga Hock Cheh: Boleh minta klarifikasi?

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Lebih-lebih lagi kalau sekiranya diteliti, tempat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah di dalam Dewan yang mulia ini. Beliau boleh hadir pada bila-bila masa dan boleh memberikan apa-apa, mengemukakan apa-apa usul dan sebagainya di dalam Dewan ini.

Dengan itu, oleh kerana pada masa yang sama, tidak ada satu *interpretation* ataupun tafsiran apakah yang dimaksudkan dengan Ahli di sini?

Jadi, dirujuk dengan *standing order* yang dipakai juga di Dewan Rakyat, Ahli adalah merujuk kepada Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara dalam konteks untuk hadir ke Dewan Rakyat. Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik menjadi anggota pentadbiran, mereka juga adalah Ahli Dewan Rakyat. Cumanya bezanya...

Tuan Nga Hock Cheh: [*Bangun*]

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sekejap Yang Berhormat, *this is my floor*.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sekarang ini yang menjadi isu adalah, bukan isu pencalonan tetapi isu sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mengundi ataupun tidak? Yes, kita mengakui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana tidak menjadi Ahli Dewan Negara, beliau tidak mempunyai hak di sisi undang-undang, Perlembagaan dan juga *standing order* untuk memberikan undi kepada mana-mana calon.

Akan tetapi tidak ada di mana-mana dalam Perlembagaan dan juga di dalam *standing order* ini mengatakan bahawa bukan Ahli Dewan Negara tidak boleh mengemukakan pencalonan untuk apa-apa jawatan termasuk jawatan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya mohon bantahan ditolak, Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat...

Tuan Nga Hock Cheh: Boleh minta klarifikasi?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maaf ya. Saya sudah mendengar hujah dan pandangan daripada Yang Berhormat Menteri kita juga, jadi keputusan saya adalah muktamad. Peraturan Mesyuarat 89 diteruskan ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab terdapat lebih dari seorang yang telah dicadangkan...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kita perlu buat penghujahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Sebaik-baiknya sehingga...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya sudah cadang, saya sudah dengar semua pandangan ini, jadi...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Kalau saya boleh bertanya, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita panggil “Yang Berhormat Senator Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin”, boleh atau tidak? Untuk mengiakan beliau adalah Ahli Dewan Negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah, sudah ada wakil sudah- Yang Berhormat Menteri.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Oleh sebab itu, saya berkata kalau beliau “Yang Berhormat Senator Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin”, dia bolehlah buat pencalonan tetapi beliau bukan Yang Berhormat Senator. Itu tafsiran saya secara teruslah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato’ Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan mesyuarat, petua yang diberikan atau *ruling* yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan... [Tepuk]

Tuan Liew Chin Tong: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua: Cukup ya, sudah.

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua, saya cadang kepada kerajaan, kalau untuk menyempurnakan pemilihan ini dan kita sudah ada Timbalan Yang di-Pertua, saya cadang kepada kerajaan tangguhkan pemilihan ini kepada hari Isnin supaya ini boleh disempurnakan dan pencalonan ini tidak dikhuatiri oleh sesiapa. Saya cadang kepada dua-dua calon juga, kita tidak harap pencalonan ini ada apa-apa kekhuatiran di kalangan masyarakat ataupun di sisi undang-undang.

So, saya tawar kepada kerajaan dan juga Tuan Yang di-Pertua, tangguhkan kepada hari Isnin supaya kita buat secara berpatutan dan kerajaan boleh memilih seorang Senator-Yang Berhormat Menteri Kanan untuk mencalonkan Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Utama Rais bin Yatim supaya kita menyempurnakan proses ini. Terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, tadi saya katakan keputusan saya adalah muktamad. Peraturan Mesyuarat 89 dijalankan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab terdapat lebih dari seorang yang telah dicadangkan dan disokong untuk menjadi Tuan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2(3), Majlis Mesyuarat akan membuat pilihan memilih Tuan Yang di-Pertua dengan undi bersurat.

Bagi maksud pilihan undi bersurat, pegawai-pegawai Dewan akan mengedarkan kertas-kertas undi kepada Yang Berhormat Ahli-ahli. Ahli-ahli Yang Berhormat diharap dapat mengisikan kertas itu dengan sempurna dan menuliskan nama calon yang dipilih dan menandatangani. Selepas itu, lipat kertas itu dan masukkan ke dalam peti undi untuk diserahkan kepada Setiausaha. Saya akan mengumumkan keputusan itu sebaik sahaja ia dikira.

Pegawai-pegawai Dewan yang berkenaan, sila datang ke meja Setiausaha dan ambil kertas-kertas undi dan diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di blok masing-masing. Dipersilakan.

[Pengundian dijalankan]

■1030

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya Ahli Yang Berhormat telah selesai mengisi kertas undi, saya minta Bentara untuk mengutip kertas-kertas undi tersebut. Saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat menyerahkan kertas-kertas undi tersebut kepada Ahli Yang Berhormat yang berada di paling hujung sekali bagi memudahkan kertas undi dikutip oleh Bentara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan lupa menandatangani itu. Itu yang paling penting. Jangan lupa- tandatangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang paling penting.

[Pengundian dijalankan]

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya cadangkan, apabila kita keluarkan kertas-kertas undi itu dibuka dan ditunjukkan kepada kami dan bacakan siapa. Selepas tu letak di sebelah, macam pilihan raya. Macam pilihan raya. Jadi kita telus. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang terhormat, terima kasih atas pandangan itu.

■1040

[Pengundian dijalankan]

[Pengiraan undi dijalankan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusan undi adalah seperti berikut.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Rais bin Yatim- 45 undi... *[Tepuk]*

Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff- 19 undi... *[Tepuk]*

Jumlahnya, seramai 64 orang, dan seorang tidak hadir.

Ahli-ahli Yang Berhormat, maka menurut Peraturan Mesyuarat 2(3), saya dengan ini memasyhurkan bahawa Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim dipilih menjadi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara... *[Tepuk]*

Syabas dan tahniah. Maka, dengan itu Majlis Mesyuarat dengan segala hormatnya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim untuk mengambil tempat. Dipersilakan.

[Timbalan Yang di-Pertua dan Setiausaha memakaikan jubah dan songkok rasmi kepada Tuan Yang di-Pertua di hadapan Ahli Mesyuarat. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua mengambil tempat duduknya di Kerusi Mesyuarat]

■1050

TUAN YANG DI-PERTUA MENGANGKAT SUMPAAH

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya Rais bin Yatim, setelah dipilih memegang jawatan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan sesungguhnya bersumpah bahawa saya akan dengan jujur menunaikan kewajipan-kewajipan jawatan itu dengan segala daya upaya saya bahawa saya akan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaannya.

[Tuan Yang di-Pertua menurunkan tandatangan pada Buku Sumpah dan Ikrar]

[Upacara Angkat Sumpah tamat]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum. Alhamdulillah Rabbil'alamin...* *[Berucap dalam bahasa Arab]* Salam sejahtera, salam kenegaraan, salam kemerdekaan tanah air. Dalam suasana dalam pagi ini, dengan segala rendah hati tetapi dengan suka cita yang amat tinggi izinkan saya melafazkan syukur *alhamdulillah*. Syukur yang pertama ialah dipanjatkan ke hadrat Ilahi. Terima kasih kedua ialah kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang telah membuatkan air dalam pembedung yang sudah bulat, kata sepakat yang telah beria.

Terasa oleh saya terima kasih ulung jua disampaikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta rakan-rakan Kabinet beliau yang telah menukulkan supaya peristiwa pada hari ini kita mulakan dengan perasaan muhibah dan perjuangan bersama... *[Tepuk]* Bagi

saya, sekali belum, dua kali pun belum tetapi di tengah hari kita bertemu. Apa hendak disebut, semuanya belum tetapi berjuang kita terus bertemu.

Dalam keadaan sedemikianlah sumpah dan ikrar menunaikan kewajipan dengan jujur, dengan segala daya upaya menumpahkan taat setia kita kepada Malaysia harus kita teruskan. Apa pun latar belakang kita, bagaimanapun perasaan kita, kita juruskanlah untuk memelihara, melindungi, mempertahankan Perlembagaan tanah air. Wujudnya kita berjawatan di Dewan Negara ini adalah sebagai satu kebulatan yang diuruskan oleh sejarah. Perjuangan dahulu menentukan kita di sini.

Dalam tempoh 63 tahun yang lampau, setiap kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berkuasa mengemukakan calonnya telah tiada dengan cacat, telah tiada dengan bantahan kecuali hari ini. Jika sedemikian pandangan kita bukan bermakna kita tidak bersatu. Jika sedemikian pendirian kita, bukan bermakna kita tidak menuju kepada perjuangan yang ulung. Justeru, mengembalikan pandangan kita kepada Perlembagaan dan juga sumpah taat setia kita adalah tanggungjawab kita bersama sebagai Ahli Yang Berhormat Senator.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, telah lama kita berjuang dan telah lama negara kita memperoleh kemerdekaan. Senator adalah sebagai anggota atau seorang *legislator* tertinggi. Lanya dan mereka setaraf dengan *House of Lords*, di mana tidak kurang 773 Ahli setiap kali sesi berulang kali menyatakan taat setia serta kesayangan mereka kepada tanah air mereka. Diharapkan dengan bimbingan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang dikasihi, Dewan Negara juga harus mencapai tahap kemuliaan, penghormatan dan sesuatu yang lebih setimpal dengan kedudukannya sebagai Dewan tertinggi di tanah air kita... [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak lengkap kalau saya tidak menyatakan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dahulu. Sama ada yang baharu lalu walaupun mereka, beliau-beliau yang telah mencurahkan tenaga. Terima kasih kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua yang pada hari ini mengendalikan secara cukup cermat perjuangan kita sedewan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, dalam ucapan ulung seperti ini, barangkali saya diberi lesen sedikit untuk menyatakan sesuatu berhubung dengan siapa kita, bagaimana kita berjuang sebagai satu Dewan. Tentu sekali kita berlandas kepada pengalaman. Tentu sekali kita berlandas kepada undang-undang.

Akan tetapi lebih daripada itu, peruntukkan yang diwujudkan di bawah Perkara 45(2) menyatakan Perlembagaan kita menentukan Ahli-ahli lantikan Yang di-Pertuan Agong seramai tidak kurang daripada 40 orang, dipilih di atas jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam, capai kepujian dalam lapangan profesion masing-masing, mempunyai latar belakang kepakaran perdagangan, mempunyai pengalaman kepakaran dalam perusahaan, dalam bidang pertanian atau kegiatan kebudayaan atau khidmat masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum kecil bilangannya seperti kepentingan Orang Asli.

Saya mohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi supaya kepakaran-kepakaran yang ditentukan oleh Perlembagaan ini kita hormati dan setiap kita yang mempunyai latar belakang yang mewakili profesionalisme ini dicerminkan dalam perbahasan kita. Marilah kita cari kepakaran-kepakaran itu di kalangan kita. Kita pupuk supaya anggota Senat dihormati dan mempunyai *stamp* ataupun mauduk tertinggi dalam penilaian.

Begitu juga disebutkan di dalam Perlembagaan bahawa jika Dewan Rakyat terbubar atau dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, Senat tidak tercacat, bermakna anggota kita di sini tidak terlibat dengan pembubaran itu. Justeru, pemikiran setiap Senator harus sentiasa cekal dan tinggi. Kita harus memupuk perasaan suka menegur dalam konteks kita menegakkan yang benar dan mencari perkara-perkara memperkukuh tanah air kita.

Hal berkaitan dengan perkara-perkara Dewan, Jawatankuasa Dewan kita, Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat dan Jawatankuasa Pilihan Dewan Negara kita perlu sentiasa terapung di tahap yang tinggi. Marilah kita lahirkan satu penilaian semula, apakah kita di Parlimen ini boleh sahaja tertakluk kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang di campur aduk dengan Parlimen atau tidak bolehkah kita sebagai *legislator* menentukan kembali kedudukan Akta Perkhidmatan Parlimen tahun 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992.

■1100

Pada hemat saya, dengan hormat, dengan mencuit kembali perasaan lama ataupun menenggelamkan perasaan yang tidak positif, kita perlu melihat akta ini semula jika apa yang disebut sebagai pengasingan kuasa di negara ini hendak kita amalkan sedikit demi sedikit.

Jika dibandingkan dengan semua Parlimen di Komanwel, dan negara-negara Komanwel, akta-akta ataupun Ordinan berhubung dengan perkhidmatan adalah penting kepada mereka. Justeru seperti A. V. Dicey menyatakan dalam konsep *constitutionalism*, kita adakanlah agihan peranan, agihan kuasa dan agihan entiti antara tiga komponen yang mentadbir negara kita. Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen penting bagi kita, oleh yang demikian apa-apa *caucus* yang telah diwujudkan terdahulu daripada masa kini wajar kita imbas kembali.

Akhir kata, jika dilihat dalam suasana untuk menentukan masa depan nilai yang ada pada masyarakat, *legislator* kita perlu ditimbang semula. Adakah di sini atau di Dewan Rakyat misalnya dapat ditimba contoh ataupun cara-cara yang boleh ditiru oleh anak-anak kita di bawah atau sebaliknya. Apa yang saya maksudkan adalah, berbudi bahasakah kita sebagai *legislator*, menjaga bahasa atau tidakkah kita semasa berhujah, hormatkah kita kepada sistem, dan molekkah bahasa yang kita tuturkan?

Dengan panjang saya menyatakan hal ini, orang-orang yang bijak terdahulu membahagikan masyarakat kepada tiga- di negara Greece. Pertama, *the idots*; kedua, *citizens*; dan yang ketiga, *tribalize*. Saya tidak mahu mencerakinkan hal ini, saya ingin hendak

bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat masuk ke dalam kategori *the citizen*. Di mana kita bersama mencari yang baik dan mengutuhkan Malaysia dengan tenaga sekutu legislatif kita di sini. Terangkanlah dan kita nyatakan semula. Orang berkata bahawa:

*Terang bulan di Malaya;
Kilatnya sampai ke Kampung Tanjong;
Berkhidmat tak minta dibayar;
Berjuang tak minta disanjung.*

Akan tetapi kita semua dibayar, tetapi kita tidak disanjung. Dalam pada itu, kita boleh tukar hal ini kepada sambil kita berjuang untuk kebaikan kumpulan kita, kita berikan sedikit asuhan kepada budaya tinggi sebagai Senator, sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tahniah kepada sekalian Ahli, sebagai sahabat, sebagai pejuang bersama. Berselisih faham kita di sini bukan bermusuh, dan tidak sependapat kita di sini bukan kita tidak sehaluan. Marilah kita asuh supaya kita mendapat satu masa depan yang jelas dan nyata.

Terima kasih sekalian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 2(7), sekarang ini saya memohon Setiausaha memasukkan ke semua kertas-kertas undi yang telah dibilang ke dalam peti undi dan melakrikan peti undi tersebut di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kertas-kertas undi ini hendaklah disimpan dalam jagaan Setiausaha selama satu bulan, dan selepas itu tertakluk kepada apa-apa perintah yang diterima daripada Majlis.

Setiausaha hendaklah membakar kertas-kertas itu dan mengesahkannya kepada Majlis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menempohkan Dewan untuk sementara waktu.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 11.07 pagi]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 11.35 pagi]

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

MENGANGKAT SUMPAAH EMPAT ORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

LANTIKAN BAHARU

1. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu;
2. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad;
3. Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya; dan
4. Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

[Upacara Angkat Sumpah tamat]

■1140

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN EMPAT ORANG AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Di kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan Dewan yang mulia ini mengalu-alukan pelantikan empat orang Ahli baharu iaitu:

- (i) Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 45(1)(b) Perlembagaan Persekutuan;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, pemilihan Dewan Undangan Negeri Kelantan;
- (iii) Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Yahaya; dan
- (iv) Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz, pemilihan Dewan Undangan Negeri Kedah mengikut Perkara 45(1)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya memetik pernyataan dalam Perenggan 64, Laporan Suruhanjaya Reid, tahun 1957 seperti berikut. Dengan izin, *"We do not envisage the Senate as a body of secondary importance. Our recommendations are made with the intention of enabling the Senate to become an influential forum of debate and discussion, and a body which will contribute valuable revision to legislation and which will be able to impose a measure of delay in exceptional cases"*.

Sengaja saya memetik ayat ini yang dirakamkan pada tahun 1957 dengan tujuan yang amat mulia bahawa Dewan ini bukan jenis yang dilanda pergi atau terpijak pulang. Kita, Ahli-ahli Yang Berhormat, mestilah menjalankan tugas serta tanggungjawab kita, sentiasa mencerminkan semula apa yang telah kita sumpah taat setia kan. Haruslah kita menekankan kepada isu-isu berkepentingan rakyat dan hendaklah sama sekali mengelakkan daripada

menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai medan politik. Kita ketepikan fahaman politik berasaskan parti seboleh-bolehnya dan hasilkan perbahasan yang berkualiti yang dapat menyumbang kepada proses pembinaan negara.

Namun, perlu ditegaskan selepas membuat ucapan, apa jadi kepada ucapan itu? Soalan ini selalu kita kemukakan tetapi tidak berjawab. Saya mengesyorkan supaya setiap ucapan Ahli Yang Berhormat itu, dirumuskan di dalam nota-nota dan dipertanggungjawabkan kepada semua jabatan yang berkaitan. Diminta supaya reaksi kerjasama atau sumbangan jabatan-jabatan itu dikembalikan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini.

Kalau kita hanya setakat berucap, kemudian ucapan kita menarik habuk pada para-para tertentu di Dewan ini, kita tidak akan dapat melangsungkan tugas kita. Justeru, marilah kita sekata untuk menjadikan Dewan ini dihormati terus menerus dengan cara, kaedah dan pendekatan yang positif. Saya ingin menegaskan bahawa apabila Ahli-ahli Yang Berhormat mengurangkan *political attachment* yang nyata, kita boleh nanti menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Namun, kesetiaan kita kepada parti tetap wujud dan dalam pada itu, kesetiaan kepada negara perlu kita cerminkan menerusi tindakan masing-masing. Sambil menyatakan selamat bersama kita kepada berempat wira baharu ini, kita dengan usaha murni memartabatkan institusi Dewan Negara dan kita harapkan akan meningkatkan kemerdekaan kita dalam erti sebenar dan Dewan yang mulia ini memainkan satu ciri yang baru dalam usaha kita iaitu ciri-ciri *nonpartisan* yang boleh memberi peneguhan kepada akhlak, perjuangan serta masa depan tanah air kita. Terima kasih.

AHLI-AHLI MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh-tarikh yang dinyatakan seperti berikut.

■1150

Pada 10 Mac 2020:

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri;
2. Yang Berhormat YM Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz;
3. Yang Berhormat Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal;

4. Yang Berhormat Datuk Lim Ban Hong;
5. Yang Berhormat Dato' Dr. Mah Hang Soon; dan
6. Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Masrizal Muhammad.

Pada 20 Mei 2020:

1. Yang Berhormat Datuk Seri Mohamad Ali bin Mohamad; dan
2. Yang Berhormat Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi.

Pada 16 Jun 2020:

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim;
2. Yang Berhormat Tan Sri Radzi bin Tan Sri Sheikh Ahmad;
3. Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad;
4. Yang Berhormat Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan; dan
5. Yang Berhormat Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib.

Pada 22 Jun 2020:

1. Yang Berhormat Datuk Haji Bashir bin Haji Alias;
2. Yang Berhormat Puan Susan Chemerai Anding;
3. Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hui Yew;
4. Yang Berhormat Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol; dan
5. Yang Berhormat Datuk Haji Yakubah Khan.

TEKS TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 18 Mei 2020, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Diraja dalam Majlis Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu, dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Diraja itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat, dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

[Teks Titah Diraja boleh didapati dalam Penyata Rasmi Bil. 1/ DN-18052020]

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020;
2. Akta Perlindungan Penderma Makanan 2020;
3. Akta Mata Wang 2020;
4. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2020;
5. Akta Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2020;
6. Akta Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional 2019;
7. Akta Perbekalan 2020;
8. Akta Kewangan 2019;
9. Akta Francais (Pindaan) 2020;
10. Akta Hak Cipta (Pindaan) 2020;
11. Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019;
12. Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2020;
13. Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2020;
14. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2019;
15. Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 2019; dan
16. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2019.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membaca Perutusan]

“27 Ogos 2020

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. D.R 1/2020 – Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2019) 2020;
2. D.R 2/2020 – Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2020;
3. D.R 3/2020 – Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020;
4. D.R 4/2020 – Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020;
5. D.R 5/2020 – Rang Undang-undang Insolvensi (Pindaan) 2020;
6. D.R 6/2020 – Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020;
7. D.R 7/2020 – Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020;
8. D.R 8/2020 – Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020;
9. D.R 9/2020 – Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020;
dan
10. D.R 10/2020 – Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020.

Yang Ikhlas dan salam hormat,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Majlis Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

**PROSEDUR OPERASI STANDARD
PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia telah menjejaskan banyak pihak dan memberi kesan kepada rakyat negara ini. Kita perlu melalui norma baharu bagi mengekang penularan pandemik ini. Begitu juga di Dewan Negara ini. Ahli-ahli Yang Berhormat perlu melalui norma baharu dan sentiasa mematuhi penjarakan sosial atau penjarakan fizikal. Tambahan pula, seramai 29 orang Ahli Dewan Negara yang berumur melebihi 60 tahun yang pastinya lebih berisiko.

Sehubungan dengan itu, Parlimen Malaysia telah menyediakan Prosedur Operasi Standard (Fasa Pemulihan) Persidangan Parlimen yang disiarkan bagi memastikan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bersidang dengan selamat dan terkawal seterusnya mencegah penularan pandemik ini. SOP yang dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, pengadang lut sinar telah dipasang dan membolehkan kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat duduk di dalam Dewan. Namun, ini mungkin akan menyebabkan terdapat sedikit ketidakselesaan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di tengah-tengah. Saya mohon jasa baik Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di hujung setiap baris dapat memberi kerjasama sebaiknya bagi kelancaran pergerakan keluar dan masuk di tempat duduk masing-masing.

Kedua, pegawai-pegawai kerajaan yang terlibat dengan urusan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri ditempatkan di tempat duduk pegawai di sebelah kanan saya, di sini dengan kehadiran yang terhad.

Ketiga, kecuali pada hari ini, tiada pelawat dibenarkan pada masa ini dan galeri awam di hadapan saya tidak akan digunakan tertakluk kepada situasi semasa.

Keempat, mohon Ahli-ahli Yang Berhormat memberikan perhatian dan kerjasama bagi urusan pengagihan dokumen *Aturan Urusan Mesyuarat*, rang undang-undang, laporan, risalat dan lain-lain dokumen yang berkaitan, oleh sebab terdapat pergerakan yang terhad oleh pihak Bentara terutamanya akses kepada mereka yang duduk di tengah.

■1200

Kelima, semua Ahli Yang Berhormat dinasihatkan sentiasa memakai pelitup muka di dalam Dewan pada setiap masa kecuali semasa berucap. Walau bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membuka pelitup muka semasa hendak mengemukakan atau menjawab pertanyaan atau perbahasan. Ini adalah nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham pasti terdapat ketidakselesaan dengan pelaksanaan acara ini. Akan tetapi, percayalah ia adalah untuk kebaikan, dan maslahatan semua pihak. Sehubungan dengan itu, saya mohon jasa baik dan kerjasama semua Ahli Yang Berhormat untuk mematuhi kaedah ini bagi kebaikan kita bersama.

Sama-sama kita berdoa agar pandemik COVID-19 ini segera dibendung sepenuhnya dan tidak lagi memberi ancaman kepada kita. Dengan izin Allah SWT, negara kita dapat kembali seperti sedia kala, dan Parlimen dapat bersidang seperti biasa selepas ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Kewangan menyatakan, keberhasilan pemulihan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang mengandungi 40 inisiatif bernilai RM35 bilion bagi memacu kembali ekonomi Malaysia berikutan pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam kemerdekaan tanah air ku Malaysia.

*Selama 63 tahun telah berlalu;
Negara tercinta capai merdeka;
Marilah rakyat berganding bahu;
Menjaga kegemilangan negara tercinta.*

Salam Maal Hijrah. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dr. Rais bin Yatim yang telah dilantik pada hari ini sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya pernah berkhidmat dengan beliau selaku Timbalan Menteri Luar Negara, saya amat yakin dengan kepimpinan, kewibawaan dan kebolehan beliau untuk memimpin Dewan ini dengan begitu cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Jana Semula Ekonomi Negara dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 dan di bawah PENJANA sebanyak RM35 bilion telah disediakan bagi melaksanakan lebih 40 inisiatif iaitu 11 inisiatif bernilai RM13.2 bilion untuk rakyat, 14 inisiatif untuk sektor perdagangan bernilai RM14.7 bilion, dan 15 inisiatif bagi sektor ekonomi berjumlah RM7.1 bilion. Memandangkan PENJANA baru sahaja diumumkan, dan pelaksanaannya masih di tahap awal, maka keberkesanan inisiatif hanya akan dapat diukur dalam beberapa bulan lagi.

Setakat ini, hanya program sambungan daripada PRIHATIN seperti Program Subsidi Upah dapat mula dilihat keberkesannya, dan program ini telah pun berjaya membantu sebanyak 213,688 majikan, dan telah berjaya mengekalkan sebanyak 1,469,000 pekerjaan dan sekali gus mengurangkan pengangguran. Kerajaan telah menubuhkan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) di bawah Kementerian Kewangan untuk memantau dan menilai setiap inisiatif di bawah pakej PENJANA dan PRIHATIN yang akan mengumumkan prestasi pelaksanaan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada satu soalan tambahan di mana kita semua tahu bahawasanya COVID-19 telah merubah cara ekonomi negara beroperasi. Apakah perancangan kerajaan secara mikro ekonomi untuk terus menjadikan negara ini sebagai destinasi pelaburan utama dunia? Apakah nanti ada beberapa pakej dan program pelaburan, insentif pengecualian cukai dan kemudahan pembiayaan yang inklusif di umum kelak? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pandemik COVID-19 ini adalah merupakan sesuatu yang *unprecedented* di dalam sejarah negara kita. Oleh sebab itu, ianya memberikan kesan bukan sahaja dari segi kesihatan rakyat Malaysia tetapi ianya juga memberikan kesan terhadap ekonomi kita. Semenjak 100 tahun, ini adalah merupakan antara cabaran yang paling besar bukan sahaja dilalui oleh negara kita tetapi juga oleh masyarakat antarabangsa ataupun dunia global. Ini haruslah kita tangani.

Apa yang Yang Berhormat tanyakan sebentar tadi, sememangnya banyak rancangan yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa Malaysia sentiasa kompetitif dari segi ekonomi tetapi yang penting sekali adalah kita harus menyelesaikan isu kesihatan ini kerana ianya bukan sahaja berkait dengan negara Malaysia tetapi juga ia berkait dengan rakan-rakan dagang kita dan juga menjadi sumber pelaburan di negara kita.

Oleh sebab itu, program-program yang dibuat adalah pada ketika ini menjurus untuk memastikan setiap rakyat di dalam negara ini mendapat sekurang-kurangnya *comfort* atau keselesaan daripada usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan. Usaha berkaitan dengan menarik pelaburan dan rancangan-rancangan ekonomi masa hadapan akan kita lakukan dan akan dibentangkan dalam bajet yang akan dibentangkan pada bulan November ini dan juga dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan dibentangkan pada tahun hadapan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Kali ini kita hadkan kepada dua jawapan tambahan ataupun soalan tambahan. Silakan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ruang yang diberikan. Yang Berhormat Menteri, kita tahu PENJANA ini adalah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara kesan daripada pandemik. Kita tahu bahawa ekonomi ini dia banyak sektor terutama sekali sektor perbankan sama ada bank boleh meneruskan memberi pinjaman kepada peminjam.

Begitu juga sektor *retailing* ataupun peruncitan, sektor logistik sama ada kita melihat *trailers* menarik- keluar masuk import dan eksport di pelabuhan. Begitu juga, sektor hartanah sama ada bank juga boleh memberi pinjaman untuk pembelian rumah baharu dan juga mungkin pinjaman-pinjaman membeli tanah dan sebagainya. Sudah tentu jugalah sektor automatik iaitu...

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Dato' Wira Othman bin Aziz: *I'm going to the* soalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya kemukakan cepat.

■1210

Dato' Wira Othman bin Aziz: Ya. Jadi pada pandangan Yang Berhormat Menteri, berapa lamakah agaknya kesan ini akan meruntun negara kita? Apakah jangka pertumbuhan ekonomi untuk tahun mendatang? Terima kasih.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kegiatan ekonomi di dalam negara kita sudah tentulah terjejas selepas pandemik COVID-19 ini dan kerajaan berusaha sebaik yang mungkin untuk memastikan bahawa kesan daripada pandemik ini tidak memberikan kesan yang begitu besar kepada rakyat kita. Oleh sebab itu kita telah melaksanakan tiga pakej stimulus iaitu RM250 bilion pakej PRIHATIN, RM10 bilion PRIHATIN Plus, RM35 bilion PENJANA dan yang jelas bahawa suntikan fiskal terhadap ekonomi kita ialah sejumlah RM45 bilion.

Daripada hasil yang kita lihat, usaha yang telah dibuat ini kita dapat melihat bahawa ada tanda-tanda ekonomi kita memberikan respons yang positif iaitu pada suku pertama kita lihat bahawa pertumbuhan ekonomi kita adalah di tahap positif 0.7 peratus dan suku kedua ini kita menganggarkan bahawa ia adalah 17.1 peratus. Akan tetapi apabila kita melihat bulan ke bulan, KDNK bulanan kita pada bulan April menguncup 28.6 peratus dan pada bulan Mei menguncup 19.5 peratus dan seterusnya pada bulan Jun, ia menguncup hanya pada 3.2 peratus. Ini membuktikan bahawa apa yang telah dilakukan oleh kerajaan telah memperlihatkan hasil yang baik.

Kita telah menjangka, mengikut semakan Bank Negara yang telah dibuat pada 14 Ogos 2020, mengunjurkan bahawa ekonomi kita akan menguncup *minus* ataupun -3.5 peratus sehingga 5.5 peratus. Walau bagaimanapun pada tahun 2021, kita menganggarkan bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka akan pulih dan berkembang di antara 5.5 peratus hingga lapan peratus. Ini adalah merupakan satu kadar pertumbuhan yang baik. Kalau kita melihat pada tahun 2020 ini, IMF telah mengunjurkan bahawa ekonomi global akan mengalami kemelesetan pada kadar 4.9 peratus. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan saya, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan petua Tuan Yang di-Pertua tadi dan saya cadangkan kalau Tuan Yang di-Pertua boleh jadikan sebagai satu contoh, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh letak jawatan dalam parti dan sebagai Yang di-Pertua tanpa parti ataupun tanpa jawatan parti, itu saya rasa akan baik untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan.

Tuan Liew Chin Tong: Saya mengemukakan soalan kedua. Terima kasih.

2. Tuan Liew Chin Tong minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan akan mengubah klasifikasi pendapatan di Malaysia daripada B40, M40 dan T20 kepada B20, M60 dan T20 selepas Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) keseluruhan nasional telah meningkat kepada RM2,208 berbanding RM980 pada tahun 2016.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Saya mulakan dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada kakanda saya Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara yang baharu. Tahniah diucapkan juga kepada empat orang Ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat sumpah iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Sri Vell Paari, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya, dan Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat, izinkan saya beri sedikit penjelasan mengenai Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Ia merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat. Kaedah mengukur miskin mutlak ini menjadi amalan banyak negara khususnya negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, metodologi 2019 untuk mengukur miskin mutlak ini berasaskan kepada tiga perkara:

- (i) keperluan makanan;
- (ii) keperluan bukan makanan; dan
- (iii) ciri-ciri isi rumah.

Walau bagaimanapun, pada tahun lalu, elemen yang diambil kira dalam keperluan makanan dan bukan makanan ditambah baik untuk menggambarkan peningkatan kualiti dalam kehidupan. Konsep PGK makanan berubah daripada keperluan minimum kalori kepada keperluan optimum minimum dan yang menunjukkan peningkatan kualiti item bakul makanan. Bagi bukan makanan pula, bilangan item bertambah daripada 106 kepada 146.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan metodologi baharu 2019 ini, sekarang ini Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ialah RM2,208 sebulan berbanding dengan PGK berasaskan metodologi 2005 sebanyak RM980 sebulan. Maka pada masa ini, tahun lepas kadar kemiskinan mutlak 5.6 peratus turun daripada 7.6 peratus pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bertanya sama ada kerajaan hendak ubahsuai klasifikasi daripada B40, M40 dan T20. Pada masa ini, had pendapatan B40 ialah RM4,849

sebulan isi rumah, bagi M40 pula daripada RM4,850 kepada RM10,959, bagi T20 iaitu pendapatan tertinggi ialah RM10,960. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini belum lagi berhasrat untuk mengubah klasifikasi. Yang Berhormat mahu supaya B40, M40, T20 ditukar kepada B20, M60 dan T20. Apa-apa pun angka-angka- kita ada angka-angka B20 ialah RM3,170 sebulan satu isi rumah, M60 untuk makluman Yang Berhormat, RM3,170 hingga RM10,970 sebulan untuk satu isi rumah dan T20 ialah RM10,970 ke atas.

Apa-apa pun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ini akan beri perhatian tertinggi kepada usaha-usaha untuk membasmi kemiskinan. Tumpuan akan diberikan kepada khususnya apa yang dipanggil B1 iaitu kumpulan yang berpendapatan kurang RM2,500 sebulan satu isi rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya kepada kerajaan, apa rancangan kerajaan dalam persediaan untuk RMKe-12 berkenaan dengan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baharu yang telah meningkat kepada RM2,208 berbanding dengan PGK yang lama. Itu untuk RMKe-12. Juga kenapa saya cadangkan untuk diadakan klasifikasi M60, ialah untuk kita ada tanggapan yang lain. Ini kerana dulu kita anggap B40 tetapi B40 ini sebenarnya dia ada yang...

Tuan Yang di-Pertua: Beri soalan Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Tuan Liew Chin Tong: Tidak apa. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. B40 ini satu kumpulan yang besar. Oleh itulah maka dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih kepada B1, B2, B3 dan B4. Jadi B40 dipecahkan kepada empat. Kita akan beri tumpuan kepada yang terbawah B1 iaitu pendapatan bulanan RM2,500 sebulan. Ini adalah antara perkara yang akan diberi penekanan dalam RMKe-12 dan kerajaan sedang meneliti secara keseluruhannya semua dasar yang kita laksanakan sebelum ini untuk memastikan bahawa kita mengamalkan kaedah-kaedah baharu dalam menangani masalah kemiskinan yang masih lagi menghantui kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

3. Tuan Muhammad Zahid bin Md Arip minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan pelan tindakan ekonomi pasca COVID-19 bagi menarik:

- (a) pelabur dari Amerika Syarikat, China, Timur Tengah dan Eropah ke Malaysia; dan

- (b) apakah peluang ekonomi baharu yang ditawarkan bagi mengambil kesempatan terhadap keyakinan dunia ekoran kejayaan Malaysia menangani COVID-19.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Salam sejahtera dan salam perpaduan. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara yang baru dilantik.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas keprihatinan beliau tentang Pelan Tindakan Ekonomi Pasca COVID-19 dan juga peluang-peluang ekonomi baru yang wujud.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum pandemik COVID-19 telah membawa ketidaktentuan kepada ekonomi di seluruh dunia terutamanya gangguan ke atas rantai bekalan sedunia, dengan izin, *global supply chain*. Namun begitu, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan negara kita kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan langsung asing.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan usaha untuk menarik pelaburan asing baru ke Malaysia, kerajaan telah mengumumkan beberapa inisiatif pada 5 Jun 2020 di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara ataupun secara ringkasnya PENJANA. Antara lain insentif-insentif yang telah diberikan untuk menarik pelaburan asing ke Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) pengecualian cukai sebanyak 100 peratus selama 10 tahun untuk pelaburan baru dalam sektor pengilangan dengan pelaburan harta tetap antara RM300 hingga RM500 juta;
- (ii) pengecualian cukai 100 peratus selama 15 tahun untuk pelaburan baru dalam sektor pengilangan dengan pelaburan harta melebihi RM500 juta;
- (iii) memberi elaun cukai pelaburan sebanyak 100 peratus selama lima tahun bagi syarikat yang sedia wujud di Malaysia yang memindahkan *facility* pengilangan mereka di luar negara ke Malaysia dengan pelaburan harta tetap melebihi RM300 juta;
- (iv) memberi galakan elaun pelaburan semula ataupun, dengan izin *reinvestment allowance* bagi tahun taksiran 2020 ke 2022 untuk syarikat sedia ada dalam aktiviti pembuatan dan pertanian terpilih yang melaksanakan pelaburan semula;

- (v) kelulusan lesen pengilangan *manufacturing license*, dengan izin, secara *fast track* di mana melalui platform digital EML untuk industri yang tidak sensitif kita memberi *fast track* kelulusan dua hari bekerja; dan
- (vi) menubuhkan satu unit khas secara ringkasnya dinamakan PACU ataupun *Project Acceleration and Coordination Unit*, dengan izin, di MIDA untuk mempercepatkan kelulusan dari pelbagai agensi dan pelaksanaan projek pelaburan di Malaysia untuk membantu mempercepatkan permohonan pelaksanaan pelaburan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi peluang ekonomi baru yang wujud yang ditawarkan dalam mengambil kesempatan terhadap keyakinan dunia akan kemampuan Malaysia menangani COVID-19. Tuan Yang di-Pertua, memang benar Malaysia telah menangani COVID-19 dengan baik dan saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada *frontliners*, mereka yang berdiri di barisan hadapan... [*Tepuk*] Untuk membantu kita dalam perang untuk mengurangkan penularan wabak COVID-19.

Dalam konteks ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mendapati peluang-peluang ekonomi yang lebih rancak dalam aktiviti-aktiviti seperti berikut, maksudnya peluang-peluang ekonomi baru yang mungkin wujud dalam sektor-sektor yang berikut.

Pertamanya, kita lihat dalam gangguan rantai bekalan sedunia yang berlaku, kita nampak ada syarikat-syarikat di negara-negara lain yang melakukan penempatan semula perniagaan mereka ataupun kilang-kilang mereka dalam sektor-sektor tertentu contohnya pembuatan bahan kimia, *electrical* dan elektronik, mesin dan peralatan, aeroangkasa, peranti perubatan, hab utama, teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui ini. Ini adalah untuk mempelbagaikan sumber bahan mentah dan juga untuk mempelbagaikan pasaran mereka kerana gangguan rantai bekalan sedunia.

Keduanya, kita nampak sektor-sektor perkhidmatan yang memperkasakan penggunaan teknologi digital termasuk sektor pelancongan, teknologi kewangan, kilang berteknologi pintar, pusat ujian klinikal dan juga pembelajaran dalam talian. Sektor-sektor perkhidmatan ini telah bertambah,

Ketiga, kita nampak fenomena pendigitalan ataupun *digitalization*, dengan izin, juga lebih ketara dalam aktiviti e-dagang dan juga aktiviti-aktiviti yang menyokong ekosistemnya seperti perkhidmatan kurir dan logistik serta *gig* ekonomi. Sebagai contoh Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaporkan penjualan runcit dalam talian telah meningkat sebanyak 35.5 peratus pada bulan Jun 2020 berbanding bulan Jun 2019. Melalui Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan sebanyak 79,274 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dilaporkan telah memanfaatkan platform e-dagang dalam tempoh enam bulan pertama ini melebihi sasaran tahunan sebanyak 50 ribu PKS yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, kita juga lihat program eTRADE yang ditawarkan oleh MATRADE sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah banyak membantu usahawan memulakan perniagaan eksport atas talian. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini sebanyak 3,358 syarikat telah mendapat faedah daripada program tersebut di mana ia telah melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Antara pasaran baru yang berjaya ditembusi adalah Amerika Syarikat, Jepun, Arab Saudi, India, Mauritius, Panama, China dan lain-lain pasaran di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi sektor yang kita nampak mewujudkan peluang-peluang ekonomi baru ialah pertumbuhan yang memberangsangkan bagi industri *personal protective equipment* (PPE), dengan izin, terutamanya sarung tangan getah di mana Malaysia merupakan pengeluar sarung tangan getah yang utama di dunia. Susulan daripada permintaan tinggi, pengilang tempatan telah dapat meningkatkan skala pengeluaran dan melaksanakan proses pengubahsuaian pengeluaran untuk mempelbagaikan operasi mereka bagi pengeluaran PPE.

Tuan Yang di-Pertua, secara kesimpulannya kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi dan memastikan aspek ekosistem pelaburan yang menyeluruh dalam menjana semula ekonomi selepas pandemik COVID-19 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sementara kita hendak pergi kepada soalan yang keempat, ada sedikit pertanyaan dalam minda saya. Jika jawapan begitu panjang ataupun soalnya tidak jelas, mungkin rakan-rakan Ahli Yang Berhormat kurang peluang untuk bertanya. Jadi seboleh-bolehnya sebanyak mungkin soalan Ahli Yang Berhormat ini dapat kita kemukakan dan menghadkan soalan tambahan.

Kita cuba dahulu sebagai satu rangsangan baru sebab saya lihat kalau Menteri atau Timbalan Menteri membaca begitu panjang tetapi tidak kena kepada jawapannya, ini pun satu hal yang mungkin menyulitkan kita. Itu pandangan saya yang pertama. Jadi, kita pergi kepada soalan keempat. Sila kemukakan dan kita minta Yang Berhormat Menteri padatkan dan beri jawapan yang jitu.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon soalan tambahan untuk soalan nombor tiga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam usaha menarik pelabur lebih ramai lagi datang ke Malaysia, bolehkah kerajaan menetapkan KPI kepada atase perdagangan yang berpangkalan di pejabat kedutaan dan pejabat pesuruhjaya tinggi kita di luar negara? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Lim Ban Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya Yang Berhormat dapat menjelaskan soalan yang ditanyakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang Yang Berhormat. Dia tidak faham kata dia.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam usaha menarik lebih ramai pelabur asing datang ke negara kita, melabur di negara kita pasca COVID-19 ini, ekoran daripada kejayaan Malaysia menguruskan COVID-19 dengan cemerlang. Bolehkah kerajaan menetapkan *key performance indicator* (KPI) kepada atase, pegawai-pegawai perdagangan kita yang berpangkalan di pejabat kedutaan dan di pejabat pesuruhjaya tinggi Malaysia di luar negara, mereka dihantar ke sana sebagai atase perdagangan.

■1230

Jadi, kita *fully utilize*, guna sepenuhnya kepakaran mereka ini untuk membawa balik ada KPI dia. Contohnya, kalau dia berpangkalan di Amerika Syarikat, dia mesti bawa balik ke negara kita 10 pelabur-pelabur besar. Itu maksud saya. Boleh atau tidak?

Datuk Lim Ban Hong: Terima kasih kepada penjelasan yang diberi. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kesemua pegawai-pegawai pelaburan kita yang ditempatkan di negara-negara lain, sama ada di pejabat MITI ataupun agensi-agensi di bawah kementerian kita termasuk MATRADE dan juga MIDA, mereka memang masing-masingnya mempunyai *target* yang telah ditetapkan oleh kita. Ini kerana kita bekerja sebagai satu pasukan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya fikir ini menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator.

Kalau saya boleh tambah sedikit. Untuk tiga bulan yang pertama ini, kita telah berjaya menarik pelaburan sebanyak RM37.4 bilion. Ini adalah hasil usaha kesemua pegawai-pegawai MITI dan juga agensi yang terletak di bawahnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta Menteri Pendidikan menyatakan, bagaimana kaedah pemilihan ke sekolah berasrama penuh yang akan dibuat kepada murid sekolah Tahun Enam yang tidak menduduki UPSR pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ingin saya dahului jawapan saya dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua dan empat orang Yang Berhormat Ahli Dewan yang baharu dilantik pada pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memutuskan bahawa kaedah pemilihan ke sekolah berasrama penuh (SBP) bagi tahun 2021 adalah melalui Pentaksiran Kemasukan Sekolah Khusus (PKSK). Pentaksiran ini juga merangkumi kemasukan ke Tingkatan 1 sekolah menengah kebangsaan agama. Pentaksiran Kemasukan

Sekolah Khusus dilaksanakan secara *single entry point*. Kaedah baharu ini melibatkan permohonan secara dalam talian dan juga kaedah pentaksiran standard secara berpusat.

PKSK merangkumi tiga komponen iaitu 20 peratus bagi kecerdasan insaniah, 70 peratus bagi kecerdasan intelektual dan 10 peratus bagi artikulasi penulisan. Kaedah pelaksanaan komponen kecerdasan insaniah dan kecerdasan intelektual adalah secara dalam talian, manakala kaedah pelaksanaan komponen artikulasi penulisan adalah secara bertulis.

Secara keseluruhannya, PKSK adalah untuk menilai potensi murid secara menyeluruh dengan mengenal pasti karakter murid-murid, mengukur tahap kognitif murid dan mengenal pasti percambahan idea, tahap kreativiti hujahan serta kecenderungan murid dalam sesuatu bidang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan kemasukan untuk ke Tingkatan Satu sekolah khusus bagi tahun 2021 akan dibuka mulai 7 September 2020 sehingga 2 Oktober 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Alan Ling Sie Kiong...

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Ada soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Lambat benar bangun Yang Berhormat. Cepat sedikit.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Adakah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia turut mengambil kira aspek faktor kemiskinan dan lokasi luar bandar dalam menentukan kriteria pengambilan pelajar sekolah berasrama penuh untuk sesi tahun 2021? Hal ini kerana kita tidak mahu pelajar di kawasan pedalaman tercicir untuk melanjutkan pelajaran memandangkan ketika PKP, mereka perlu belajar menggunakan sistem *online* dan *internet* yang berkelajuan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam sistem pendidikan Malaysia, kita ada banyak platform untuk membolehkan murid-murid yang memerlukan untuk melanjutkan pelajaran PDP mengikut kesesuaian. Jadi, inilah salah satu daripada platform iaitu SBP yang kita adakan bagi murid-murid yang menduduki satu platform tunggal dan di mana yang sesuai untuk mengambil mereka untuk meneruskan pelajaran. Maksud saya, ada banyak lagi platform-platform yang lain. Dan untuk platform tunggal ini pun, ia adalah terbuka untuk semua murid daripada semua masyarakat. Jadi, itulah yang ingin saya sampaikan untuk pagi ini. Terima kasih.

5. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, adakah industri pertanian dan makanan terjejas semasa penularan pandemik COVID-19 dan bagaimanakah Kementerian memastikan bekalan makanan dalam negara sentiasa mencukupi semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tahniah jua di atas pelantikan sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara serta tahniah jua kepada empat Ahli yang mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara pada pagi ini. Juga terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya.

Memang tidak dinafikan bahawa industri pertanian dan makanan merupakan antara industri ekonomi yang terjejas semasa penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula daripada 18 Mac 2020. Pelaksanaan PKP ini telah mengganggu kelancaran rantai makanan termasuklah pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.

Pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan permintaan produk-produk hasil pertanian terutamanya dari industri perhotelan, restoran dan katering serta industri pemprosesan makanan dan peruncitan tradisional iaitu pasar tani, pasar pagi, pasar raya serta *hypermarket* berkurangan kerana arahan penutupan pada masa itu dan waktu operasi yang minimum.

Sehubungan itu, permintaan terhadap bekalan makanan yang berkurangan telah mencetuskan, pada peringkat awalnya, isu lambakan hasil pertanian seperti sayur-sayuran dan buah-buahan yang berlaku di beberapa kawasan. Sebagai contohnya, isu lambakan nanas di Johor, isu lambakan sayur-sayuran di Lojing dan di Cameron Highlands, Pahang. Susulan daripada isu lambakan, masalah penyimpanan dan pemprosesan turut berlaku yang menyebabkan pengusaha terpaksa menanggung kos penyimpanan stok selain meningkatkan risiko kerugian bagi lebihan produk yang tidak dapat disimpan serta tidak dapat dipasarkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi, industri pertanian dan makanan telah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting- *essential services* semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.

Dalam hal ini, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah mengambil langkah bagi mengeluarkan surat sokongan kepada semua pihak yang terlibat dalam rantai bekalan makanan supaya aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan boleh diteruskan dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan. Selain itu, perkhidmatan logistik dan pengangkutan yang menyokong pengedaran dan pemasaran makanan dibenarkan beroperasi seperti sedia kala bagi memastikan bekalan produk-produk penting sampai kepada pengguna.

Aspek pengeluaran sentiasa menjadi keutamaan kementerian dalam memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi. Justeru, kementerian telah menubuhkan Bilik Gerakan Pemantauan Krisis COVID-19 bagi memantau status bekalan makanan harian dan isu-isu yang dihadapi oleh petani serta tindakan mitigasi dapat diambil dengan segera. Laporan harian dan cadangan intervensi isu-isu semasa PKP juga dikemukakan dalam mesyuarat

khas menteri-menteri dan mesyuarat jawatankuasa teknikal mengenai pelaksanaan PKP untuk pertimbangan dan penyelesaian.

Tinjauan berterusan MAFI dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mendapati bahawa status bekalan makanan sepanjang tempoh PKP adalah mencukupi dan berada pada tahap harga yang terkawal. Terima kasih.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri yang memberi jawapan yang terperinci.

■1240

Saya memang berterima kasih kepada kementerian atas usaha yang baik untuk memastikan *supply* atau pembekalan makanan mencukupi dan telah menyediakan mitigasi untuk nasib-nasib pekebun dan penternak kita. Soalan saya, saya telah difahamkan tahun lepas kementerian ada melancarkan satu inisiatif ataupun program yang dipanggil komuniti kebun. Saya ingin tahu daripada kementerian, adakah- sebab semasa PKP ini ramai yang sudah memulakan tanam sayur-sayuran di belakang rumah masing-masing.

So, ini satu konsep yang sangat baik. Adakah inisiatif ini telah dilancarkan di Sarawak khususnya? Kalau sekiranya tidak, adakah kementerian bercadang untuk mempergiatkan inisiatif komuniti kebun ini di Sarawak? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Memang seperti mana yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa Program Kebuniti yang telah dilancarkan ini memberi manfaat yang cukup besar kepada rakyat. Saya difahamkan bahawa hampir kesemua peruntukan ini, walaupun sebahagiannya belum sampai kepada penerima akhir ataupun petani-petani, namun perkara ini telah dalam perancangan, terutamanya peruntukan RM10 juta yang diperuntukkan dalam Program PENJANA. Jadi, Sarawak itu saya perlu melihat kepada program khusus di negeri Sarawak untuk saya sampaikan maklumat kepada Yang Berhormat yang bertanya.

Tuan Ahmad bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, mohon satu soalan tambahan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ahmad bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah apakah usaha kerajaan atau bentuk bantuan kerajaan dalam membantu petani bagi merencanakan kembali hasil pertanian serta pendapatan mereka yang terjejas dengan COVID-19? Terima kasih, minta penjelasan Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, memang industri agromakanan telah menghadapi cabaran yang besar ketika peringkat awal penularan wabak COVID-19, di mana kelancaran rantaian makanan memang terganggu di peringkat pengeluaran dan juga pemasarannya.

Antara aktiviti pertanian seperti mana yang saya sebutkan tadi, telah dikategorikan sebagai *essential services* dan dibenarkan beroperasi. Bagi mengurangkan isu lambakan hasil pertanian dan meminimumkan kerugian yang dialami, kementerian melalui jabatan dan agensi seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah melaksanakan Program Pasar Segar Terkawal (PST) di peringkat awal. Pelaksanaan PST semasa PKP ini adalah signifikan bagi memastikan membantu petani-petani agar bekalan makanan negara stabil dan berterusan dan sampai kepada pengguna.

Bagi memastikan aktiviti petani, pekebun, penternak, nelayan dan usahawan tani tidak terjejas oleh COVID-19 ini, MAFI melalui Pakej Rangsangan Ekonomi- PRIHATIN dan PENJANA, telah dan akan melaksanakan 36 inisiatif bagi merancakkan semula aktiviti pertanian dan pengeluaran makanan.

Di bawah PRIHATIN, MAFI diperuntukkan- MAFI ini *Ministry of Agriculture and Food Industry* nama baru, diperuntukkan sebanyak RM190 juta bagi pelaksanaan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui insentif atau subsidi peningkatan mobilisasi dan logistik bahan makanan serta pemantapan bekalan stok makanan. Selain itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Pertubuhan Nelayan Kawasan (PNK) juga telah diperuntukkan dana khas untuk menggalakkan penglibatan dan aktiviti ahli peladang dan nelayan dalam industri pertanian dan makanan.

Di bawah PENJANA, MAFI juga telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta untuk melaksanakan tiga inisiatif khusus iaitu skim pembiayaan mikro kredit yang menawarkan pinjaman dengan kadar faedah 3.5 peratus untuk tempoh lima tahun, diperuntukkan sebanyak RM350 juta.

Kemudian Program Kebuniti seperti yang disebut oleh Yang Berhormat yang awal tadi iaitu berkebun secara berk komuniti, kaedah pertanian bandar yang berbentuk pemberian *in-kind* sebanyak RM500 untuk individu dan RM50 ribu untuk komuniti dan juga Program Mobiliti Tenaga Kerja Agromakanan yang menyediakan latihan semula dalam industri agromakanan yang diperuntukkan sebanyak RM40 juta.

Jadi, keseluruhan adalah RM400 juta. Jadi, keseluruhan program atau pun projek yang disenaraikan di bawah pakej PRE, termasuk projek infrastruktur dan peruntukan RM50 juta- PRIHATIN dan PENJANA, keseluruhannya bernilai RM640 juta sedang dilaksanakan melalui pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI bagi memastikan petani-petani, penternak dan nelayan kita di bela sepanjang pandemik COVID-19 ini. Terima kasih.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Saya pergi kepada soalan yang berikutnya, Datuk Paul Igai.

6. Datuk Paul Igai minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan, status pengukuran sempadan Malaysia-Indonesia setakat ini. Apakah cabaran menentang kejayaan usaha itu?

Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Tuan Ali anak Biju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan Malaysia-Indonesia kini diusahakan secara bersama dengan pihak negara jiran oleh pasukan ukur Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang merupakan satu agensi di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Kerja-kerja penandaan dan pengukuran telah bermula sejak 9 September 1975 dan siap pada 20 September 2001, melibatkan jarak sepanjang 2,067 kilometer. Daripada jarak keseluruhan tersebut, sepanjang 1,979.3 kilometer telah pun dimuktamadkan penandaan dan pengukurannya setelah termeterainya 22 MOU di antara kedua-dua buah negara.

MOU terbaru ialah MOU yang ke-22, telah ditandatangani pada 21 November 2019. Baki anggaran jarak sepanjang 87.7 kilometer kini sedang dirundingkan kerana terlibat dengan isu tuntutan wilayah bertindih di tujuh kawasan yang dikenali sebagai *outstanding boundary problem*. Selain aktiviti penandaan dan pengukuran, JUPEM juga terlibat secara bersama dengan negara jiran di dalam melaksanakan ukuran penyelenggaraan bagi menggantikan tanda-tanda sempadan antarabangsa yang telah hilang, rosak atau yang telah teranjak dari kedudukan asalnya.

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh JUPEM di dalam aktiviti-aktiviti penandaan. Antara lainnya adalah konsep pengukuran yang lazimnya jauh di pedalaman iaitu di kawasan hutan belantara dengan struktur muka bumi bergunung-ganang yang mencabar serta menyukarkan akses dan lokasi pengukuran melalui jalan darat. Hal ini menyebabkan timbulnya keperluan bagi penggunaan helikopter sebagai salah satu kaedah akses utama lokasi penandaan dan pengukuran. Di atas faktor kos yang tinggi penggunaan helikopter ini, sudah semestinya memerlukan perancangan yang teliti, terutamanya dari aspek pengurusan kewangan bagi memastikan pengukuran dapat diselesaikan mengikut masa yang dirancang.

Di samping itu, anggota pasukan ukur berhadapan dengan ancaman binatang buas, keadaan cuaca yang tidak menentu, risiko kemalangan yang tidak diduga, bekalan makanan yang tidak mencukupi, risiko keselamatan yang memerlukan khidmat iringan Angkatan Tentera Malaysia dan Pasukan Gerakan Am serta pelbagai lagi kesukaran yang menjadi asam garam di dalam menggalas tugas demi untuk memelihara kedaulatan negara kita. Cabaran terbaru ialah di mana JUPEM berhadapan dengan risiko penularan wabak COVID-19 di kawasan pengukuran. Bagi membendung ancaman ini, kegiatan penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia telah pun ditangguhkan buat masa ini ke suatu hari yang akan ditentukan kelak.

Selain itu, sebahagian aktiviti pembangunan dan pertanian yang dijalankan di kawasan berhampiran sempadan darat Malaysia-Indonesia sering menyebabkan kerosakan atau kehilangan tanda-tanda sempadan. Oleh itu, kerja-kerja pengukuran, penyelenggaraan perlu dilaksanakan secara bersama dengan pihak negara jiran. Justeru, JUPEM sentiasa mengadakan sesi libat urus dan *outreach* dengan agensi yang terlibat dengan aktiviti pembangunan yang dilaksanakan berhampiran sempadan bagi memastikan tanda-tanda sempadan sentiasa dalam keadaan baik dan sempadan negara sentiasa terpelihara. Sekian, terima kasih.

■1250

Tuan Yang di-Pertua: Panjang juga ya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Paul Igai: Soalan tambahan. Mungkin luar sikit dari tajuk ya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau luar Yang Berhormat...

Datuk Paul Igai: Saya hendak tanya di...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan luar. Mesti dalam.

Datuk Paul Igai: Okey, dalam sikit. Saya hendak tanya, adakah pengukuran atau pemetaan Laut China Selatan, Selat Melaka dan Laut Sulawesi di bidang kuasa kementerian?

Tuan Ali anak Biju: Terima kasih dengan soalan tambahan. Saya ambil maklum akan isu-isu yang Yang Berhormat ketengahkan. Akan tetapi isu-isu sempadan maritim antarabangsa bukan di bawah bidang kuasa kementerian ini. Isu status berkaitan sempadan maritim adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri. Oleh yang demikian, saya syorkan agar soalan berkaitan dengan maritim ini diajukan kepada Kementerian Luar Negeri. Sekian terima kasih.

7. Datuk Haji Yakubah Khan minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan bantuan khusus kepada pengusaha industri pelancongan di Sabah memandangkan sektor pelancongan adalah industri utama di Sabah yang terjejas teruk kesan pandemik COVID-19.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Datuk Dr. Jeffrey Kitingan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebelum saya meneruskan untuk menjawab soalan ini, izinkan saya turut menjawab dan memberi maklum balas kepada soalan ini bersekali dengan lima pertanyaan lisan yang lain seperti berikut.

Pertanyaan nombor 72 oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari pada hari ini, pertanyaan nombor 29 daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat bertarikh 9 September; pertanyaan nombor 30 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim bertarikh 10 September; pertanyaan nombor 21 daripada Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee bertarikh 14 September; dan pertanyaan nombor 16 oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai pada 23 September.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua maklum, penularan wabak COVID-19 ini telah memberi impak negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut memberi kesan kepada industri pelancongan global. Bagi Malaysia, berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan PKP pada 18 Mac, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengumumkan pembatalan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan serta-merta.

Industri pelancongan negara terutama yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman dan penganjuran acara-acara perniagaan telah terjejas teruk. Sehingga Jun 2020, kementerian menganggarkan sektor-sektor ini mengalami kerugian perbelanjaan pelancongan sebanyak RM45 bilion akibat penularan pandemik ini.

Berdasarkan kepada statistik MOTAC, bagi tempoh Januari hingga Jun 2020, perbelanjaan pelancongan antarabangsa merekodkan penurunan sebanyak 69.8 peratus daripada RM41.69 bilion pada tahun 2019 kepada RM12.58 bilion. Manakala bagi pelancongan domestik pula, kementerian menganggarkan kerugian melebihi RM13 bilion. Jumlah kerugian ini termasuklah kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan ekoran aktiviti perniagaan yang tidak boleh dijalankan, pemotongan gaji serta pembatalan tempahan produk pelancongan seperti hotel dan pakej pelancongan.

Bagi membantu industri ini bangkit semula termasuk yang di Sabah, kerajaan telah menyediakan insentif dan bantuan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA yang boleh dimanfaatkan oleh pemain industri pelancongan dan kebudayaan tempatan. Bantuan ini bukan sahaja bagi meneruskan kelangsungan aktiviti tetapi juga boleh menambahbaikkan produk-produk dalam industri ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah PRIHATIN, pemandu pelancong yang berlesen dengan MOTAC menerima bantuan *one-off* sebanyak RM600. Sehingga 25 Ogos 2020 lebih 7,000 orang termasuk 605 orang pemandu pelancong di Sabah yang telah menerima bantuan *one-off* tersebut dengan jumlah keseluruhan RM4 juta.

Di samping itu, pelepasan khas cukai individu sehingga RM1,000 untuk perbelanjaan pelancongan domestik yang diberikan oleh kerajaan juga telah menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk melancong dalam negara. Ini sedikit sebanyak telah membantu memulihkan ekonomi negara. Misalnya, Persatuan Hotel Malaysia melaporkan bahawa *average occupancy rate* bagi sektor perkhidmatan perhotelan pada bulan Oktober...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat? Jam sudah menunjukkan 12.57 tengah hari. Yang Berhormat, pendekkan sikit. Pendekkan sikit. Bagus.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Elok rumuskan sikit. Jam sudah hendak dekat pukul 1 petang.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Oh, okey. Ya. Banyak lagi yang ada di sini ini ya.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak itu.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Ya, jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi banyak juga sini ini *[Ketawa]*

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Kalau Yang Berhormat menerima, saya akan panjangkan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, bagus, bagus. Akan tetapi, apa yang penting tadi itu peluang-peluang itu ya.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Ya, peluang-peluang. Banyak peluang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Dr. Jeffrey Kitingan: Jadi, antara peluangnya kita jemput Ahli-ahli Yang Berhormat di sini untuk melancong semula, datanglah ke negeri Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Baik, terima kasih.

8. Puan Siti Fatimah binti Yahaya minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah kedudukan hubungan diplomatik Malaysia dengan Negara Arab Saudi yang dilihat telah menurun di bawah pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan dan langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan semula hubungan ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya juga turut ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pemilihan yang amat cemerlang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Saya yakin Tuan Yang di-Pertua akan membawa kemuliaan yang baharu kepada Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]* Dan kami di Wisma Putra turut berbangga kerana Tuan Yang di-Pertua juga adalah merupakan mantan Menteri Luar Negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, *alhamdulillah*.

Dato' Kamarudin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa berusaha untuk mengukuhkan hubungan dengan negara-negara di seluruh dunia termasuklah Arab Saudi. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, hubungan Malaysia dengan Arab Saudi mungkin dilihat agak menurun. Walau bagaimanapun, Arab Saudi terus kekal sebagai salah satu rakan dagang terbesar negara di rantau Asia Barat dengan nilai dagangan direkodkan pada tahun 2019 sebanyak RM22.31 juta.

Malaysia juga komited untuk bersama mengorak langkah dalam menjalinkan hubungan kerjasama dengan Arab Saudi dalam pelbagai bidang. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri juga sentiasa mengambil pendekatan proaktif ke arah hubungan yang lebih mantap di antara kedua negara. Hasil hubungan baik Malaysia dengan negara Arab Saudi sekarang, semasa negara dilanda wabak COVID-19, Arab Saudi telah menyumbang sejumlah peralatan perubatan kepada Kerajaan Malaysia di mana ia merupakan sumbangan terbesar yang diterima oleh Malaysia daripada negara asing. Peralatan yang disumbangkan Tuan Yang di-Pertua berjumlah 12 unit atau item semuanya yang saya tidak akan baca kesemuanya tetapi melibatkan jutaan pelitup muka dan peralatan-peralatan canggih perubatan untuk menangani wabak ini.

Seterusnya, selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Arab Saudi telah memudah cara urusan repatriasi rakyat Malaysia daripada Arab Saudi susulan penutupan ruang udara antarabangsa yang disebabkan oleh wabak COVID-19 ini. Setakat hari ini, sebanyak 1,264 rakyat Malaysia telah dibawa pulang dari Arab Saudi melalui 11 penerbangan khas pesawat *Saudi Arabian Airlines*, atau *Saudi Air*. Daripada 11 penerbangan tersebut, Kerajaan Arab Saudi telah menaja penerbangan ulung iaitu pada 11 April 2020 di mana 45 rakyat Malaysia telah mendapat manfaat tiket penerbangan percuma.

Tambahan lagi, walaupun terdapat kekangan ekonomi situasi COVID-19, hubungan dua hala Malaysia-Arab Saudi terus dikukuhkan melalui persidangan telefon dan sidang video di antara Yang Berhormat Menteri Luar Negeri kita dengan Menteri Luar Arab Saudi serta perhubungan di pelbagai peringkat tertinggi.

Justeru itu, adalah jelas bahawa hubungan Malaysia dengan Arab Saudi dilihat semakin produktif dan dinamik di bawah tampuk kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sekarang ini... *[Tepuk]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang tepat. Waktu sentiasa menghalang kita, saat ini adalah jam 1.01 tengah hari. Saya mohon maaf tidak dapat melayani soalan-soalan yang selebihnya. Justeru, ingin saya menyuarakan satu kemungkinan buat masa depan. Mari kita cuba dapatkan sebanyak mungkin soalan Yang Berhormat dijawab di peringkat pertama.

Misalnya pada hari ini, kita hanya dapat pergi kepada soalan sampai nombor 7. Justeru, ini tidak begitu saksama dan kita akan cari jalan bagaimana lebih banyak soalan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat dikemukakan dan dapat hendaknya mencerminkan kegigihan kita untuk menentukan sesuatu situasi. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, selesai sudah Sesi Pertanyaan Jawab Lisan pada kali ini.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

Saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang]

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati, saya rasa kenalah tempatnya saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua baharu ini. Kita telah memilih seorang tokoh politik dan juga seorang tokoh daripada segi undang-undang iaitu kita telah lantik Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim dipilih sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kita yang baharu ini.

Kita catatkan terima kasih banyak dan terima kasih juga kepada mantan Tuan Yang di-Pertua kita, Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran yang telah banyak jasanya kepada kita juga ya tuan-tuan. Jadi, saya mengucapkan terima kasih banyak atas kerjasama yang diberikan kepada saya. Ini sesuatu yang baik dan saya rasa sangat berterima kasih kerana dapat berjalan dengan lancar dan teratur. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang kita pergi ke agenda kita yang seterusnya iaitu- minta Setiausaha baca semula.

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

2.34 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Jonathan bin Yasin]: Yang Dihormati, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan semua. Saya mohon mencadangkan suatu usul seperti berikut:

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini. Jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu."

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mencadangkan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Dipersilakan.

2.36 ptg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim...* *[Membaca sepotong doa]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

"Ampun Tuanku,

Patik, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih di atas Titah Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Keempat Belas."

Saya, Yang Berhormat Senator Razali bin Idris sangat berbesar hati dan merasakan suatu penghormatan memulakan sesi mukadimah perbahasan Ahli Dewan Negara pada Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga pada kali ini. Malahan pada kali ini, kita bermesyuarat dan berbahas dalam keadaan norma yang baharu. *Alhamdulillah*, kita semua di dalam Dewan Negara yang mulia ini berada dalam keadaan sihat dan keselamatan yang terbaik dan saya mengharapkan serta berdoa agar kita semua terus dirahmati oleh Allah SWT terutama daripada wabak pandemik COVID-19.

Dalam Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 18 Mei 2020, saya dengan rendah diri memperlihatkan bahawasanya setiap Titah Tuanku Agong ada

kebijaksanaannya, cukup berhemah dan penuh hikmah untuk kita dan rakyat keseluruhannya memahami serta menghayati hasrat dan harapan Tuanku kepada kepimpinan negara, pembangunan dan ekonomi negara serta rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dititahkan dalam ucapan Tuanku, negara Malaysia bersama masyarakat global lain masih belum lekang lagi dengan penularan wabak COVID-19. Sehingga kini, kita telah mengharungi lebih lapan bulan dan negara telah berdepan dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Kesiapsiagaan awal, pengalaman menghadapi wabak, tindakan segera menaikkan taraf kemudahan kesihatan, kecekapan pelaksanaan ujian saringan dalam kapasiti besar selain pasukan perubatan yang bekerja dengan pengetahuan serta sumber yang ada, saya melihat ia adalah sebagai faktor yang membawa kejayaan kepada Malaysia dalam mengawal penularan wabak COVID-19.

■1440

Mana tidaknya pengalaman Malaysia menghadapi Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS) dan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) termasuk pasukan pengesanan kontak yang berpengalaman adalah kunci kepada maklum balas yang pantas. Saya juga melihat betapa Malaysia juga secara drastik meningkatkan fasiliti kesihatan dan kapasiti pengesanan virus pada Februari lalu termasuk peningkatan 86 peratus dalam kapasiti makmal ujian, 89 peratus katil penjagaan kritikal dan lebih 50 peratus ventilator. Berbanding dengan negara barat, Malaysia memasukkan mereka yang disahkan positif COVID-19 ke hospital termasuk yang tidak bergejala selain menjalankan ujian kepada kontak rapat pesakit yang positif dan yang mempunyai sejarah perjalanan ke negara yang berisiko.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih yang tidak terhingga kepada *frontliners* kita, dengan izin, yang saya boleh anggap sebagai wira dan wirawati Malaysia. Tindakan kerajaan dalam menangani wabak itu termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP) dilihat sangat berjaya melandai lengkungan pandemik di negara ini. Sokongan diberikan kepada kerajaan serta agensi barisan hadapan oleh rakyat Malaysia ketika ini adalah sangat tinggi dan tidak terhenti setakat itu sahaja.

Saya hendak syorkan atau cadangkan supaya kerajaan menambah baik elaun kritikal barisan depan yang sentiasa bertungkus-lumus menggadai nyawa dan masa berkorban demi keluarga dan negara. Saya juga hendak mengesyorkan supaya setiap barisan depan ini mempunyai insurans perubatan, keselamatan dan perlindungan yang baik untuk diri mereka dan juga keluarga. Soal ini penting kerana tanpa kesanggupan barisan depan ini berdepan dengan setiap wabak atau konflik yang tidak diduga, siapalah kita sebagai rakyat yang biasa-biasa ini hendak bergantung harapan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Tuanku juga menyentuh soal Perkara 43, Perlembagaan Persekutuan yang memberi budi bicara kepada Baginda Tuanku untuk melantik seorang

Perdana Menteri yang baharu pada hematnya mendapat kepercayaan majoriti Ahli-ahli di Dewan Rakyat. Kebijaksanaan Tuanku dalam hal ini sangat terpuji kerana berlandaskan amanah, telus dan adil selaras dengan konsep Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang menjadi tunjang amalan negara kita.

Sebagai Ahli Dewan Negara sangat berbesar hati di atas langkah penuh berhemah Tuanku Yang di-Pertuan Agong yang akhirnya saya sifatkan pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, sebagai Perdana Menteri Malaysia kelapan adalah bertepatan dan pragmatik. Walaupun keadaan konflik politik yang tidak menentu ketika itu apatah lagi di awal COVID-19, kini saya dan rakyat sendiri melihat pelantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin tidak sia-sia malahan penerimaan rakyat terhadap kepimpinannya sangat disenangi.

Dari dahulu hingga sekarang pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita seorang yang mesra, santai dan sentiasa peka dengan kehidupan harian dalam kalangan rakyat sehingga tiada jurang antara pemimpin dan rakyat akar umbi. Kepimpinan beliau yang sentiasa merendah diri terutama sewaktu kita melihat dalam sesi lintas langsung di kaca televisyen sewaktu PKP sangat terkesan dengan ucapan-ucapan yang dekat di hati rakyat seperti Makcik Kiah.

Negara sebenarnya memerlukan seorang ketua pemimpin yang berjiwa rakyat. Seorang pemimpin yang mahu membantu rakyat dan seorang pemimpin yang mahu negara Malaysia berjaya. Paling penting saya lihat setiap langkah diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja memerlukan arahan segera, berani dan tegas tetapi juga kebijaksanaan dalam mengatur strategi agar kepentingan semua pihak terjaga.

Jika dilihat dari segi pengurusan kerajaan dalam menangani penularan COVID-19 dan kaedah menangani kesan impak ekonomi ke atas rakyat menunjukkan kewibawaan dan keprihatinan beliau sebagai ketua kerajaan. Ini membawa kelegaan kepada rakyat termasuklah langkah bukan konvensional yang tiba-tiba dilaksanakan menuntut komitmen pihak industri perbankan untuk bekerjasama dengan kerajaan bagi pelaksanaan moratorium menyeluruh. Saya kira langkah sebegini telah menunjukkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memahami sistem ekonomi yang membawa kesan pada persekitaran pelbagai dimensi ekonomi dan sosial negara.

Negara sebenarnya memerlukan *man of action*, dengan izin, dan keadaan itu dipaparkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita sayangi. Saya anggap beliau juga adalah bapa kesejahteraan rakyat. Bapa kesejahteraan rakyat telah melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) bernilai RM250 bilion yang menawarkan pelbagai bantuan kepada rakyat dan pihak industri yang terkesan dengan COVID-19 termasuk bantuan prihatin rakyat. Tindakan ketua ekonomi negara ini adalah

seorang pemimpin yang pragmatik yang meleraikan masalah rakyat secara praktikal sesuai dengan keadaan semasa atau realiti ekosistem tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, kedatangan pandemik COVID-19 yang melanda dunia dan negara benar-benar memberi kesan kepada ekonomi, kesihatan dan kehidupan rakyat jelata. Keprihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam hal ini memperlihatkan kerajaan telah mengambil langkah melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah menyumbang kepada usaha pemulihan ekonomi negara.

Saya mengucapkan terima kasih di atas tindakan tuntas Kerajaan Perikatan Nasional yang saya kira petunjuk jangka pendek angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bermula pada bulan Jun 2020 lalu, akan menjadi petunjuk yang jelas bahawa pemulihan ekonomi sedang berjalan sejajar dengan pembukaan ekonomi pada bulan Mei.

Jadi saya pohon andainya Kementerian Kewangan memberi statistik terkini perkembangan ekonomi kita termasuklah soal eksport negara, indeks pengeluaran perindustrian, nilai jualan runcit dan borong, sektor pembuatan dan automotif serta sebagainya. Saya juga ingin tahu setakat mana pula perbelanjaan pengguna dalam sektor termasuk peruncitan, pembekalan industri tani dan bekalan keperluan harian.

Malah, sewaktu PKP, PKPB dan PKPP, saya juga melihat sentimen pengguna dalam perbelanjaan kad kredit dan secara talian. Sejauh manakah penggunaan itu telah mempengaruhi pembangunan ekonomi domestik? Menerusi pertumbuhan perbelanjaan secara talian ini, apakah perbelanjaan itu selamat dan membantu pusingan modal ekonomi? Setakat mana keberkesanan itu pada kawasan bandar, pinggir bandar dan juga luar bandar? Pohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal Rukun Negara yang sebenarnya adalah sebahagian daripada kehidupan dan jati diri rakyat Malaysia. Selama 50 tahun yang diisytiharkan pada 31 Ogos oleh Yang di-Pertuan Agong Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin yang bertujuan mencapai perpaduan lebih erat antara rakyat susulan peristiwa 13 Mei 1969.

Seharusnya Rukun Negara adalah tonggak kita semua sebagai rakyat Malaysia, hidup dengan sejahtera, makmur dan aman damai tetapi saya masih sedih kerana sebahagian rakyat Malaysia yang tidak menjiwai Rukun Negara ini. Banyak kejadian tidak bermoral, sindir-menyindir, provokasi melampau yang mengaibkan soal kaum, agama, institusi Raja-Raja Melayu, Bahasa Kebangsaan dan menimbulkan ketidakstabilan ketenteraman awam termasuk menyebarkan berita palsu, fitnah, vandalisme dan sebagainya adalah bukti yang masih jelas berlaku dalam masyarakat majmuk di negara kita yang bertuah ini.

Saya sebenarnya sangat hairan kerana masih ada dalam kalangan kita tidak belajar dan mengambil iktibar seperti mana yang berlaku rusuhan pada 13 Mei 1969. Apakah kita

hendak perkara sebegini berulang lagi atau apakah kita rakyat Malaysia bersedia untuk menghadapi darurat? Inikan soal PKP atau PKPB pun ramai rakyat Malaysia yang gelisah dan tidak tentu arah. Malah, ramai yang ingkar dengan perintah pihak berkuasa, sebenarnya apa yang rakyat Malaysia mahu dalam negara kita kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri katakan baru-baru ini bahawa pendidikan Rukun Negara perlu dijadikan agenda teras kerajaan bagi memastikan Rukun Negara sentiasa menjadi amalan dalam masyarakat untuk diwarisi dari satu generasi ke satu generasi lain.

■1450

Perkara ini sebenarnya adalah serius. Adalah menjadi impian pemimpin utama yang mahukan 100 tahun mendatang atau 200 tahun mendatang. Rukun Negara ini menjadi teras dan pegangan kepada rakyat Malaysia.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia melipatgandakan usaha kempen Rukun Negara yang bukan setakat sambutan Jubli Emas semata-mata, setiap saluran seperti Bernama TV, Astro 502, myFreeview 121, dan Unifi TV 631, RTM, Astro Awani serta platform media sosial perlu disebarluaskan. Yang penting rakyat Malaysia akan terus memahami lima prinsip yang menjadi falsafah negara iaitu:

- (i) Kepercayaan Kepada Tuhan;
- (ii) Kesetiaan Kepada Raja dan Negara;
- (iii) Keluhuran Perlembagaan;
- (iv) Kedaulatan Undang-undang; dan
- (v) Kesopanan dan Kesusilaan.

Saya juga hendak bertanya sejauh manakah keberhasilan pencapaian daripada sebanyak 6,621 Kelab Rukun Negara di seluruh negara meliputi sebanyak 5,864 di sekolah rendah dan menengah kebangsaan serta baki sebanyak 757 di sekolah jenis kebangsaan manakala terdapat sebanyak 172 Sekretariat Rukun Negara di institusi pengajian tinggi awam dan swasta seluruh negara. Kalau hendak diikutkan akal logik, tidak timbul lagi masalah perpaduan dan kestabilan ketenteraman awam kerana asas yang disediakan telah wujud selama 50 tahun.

Malahan, subjek yang berkisarkan kepada amalan Rukun Negara dalam sistem pendidikan pun telah disemai secara meluas. Malah satu ketika dahulu adanya subjek Tatarakyat. Sewajibnya kerajaan perlu mencari jalan terbaik dalam membina sahsiah diri dan perasaan cintakan negara kita Malaysia. Saya cadangkan setiap warga Malaysia berusia 21

tahun menjalani latihan kenegaraan selama setahun secara wajib dan diulangi sekali lagi pada usia 31 tahun dengan pakej latihan kenegaraan yang lebih kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh sedikit keselamatan dan kedaulatan negara ada di peringkat domestik mahupun serantau kerana kedudukan geopolitik negara kita pun sangat strategik dan menjadi rebutan pihak-pihak tertentu. Malahan, kebimbangan Tuanku Agong pun dapat dirasai apatah lagi dalam Titahnya ada menyebut yang pertama, peningkatan aktiviti ketenteraan kuasa-kuasa besar dunia di Laut China Selatan mutakhir ini wajar diberi perhatian.

Kedua, tahap keselamatan dalam negara hendaklah terus dipertingkatkan terutamanya dalam menangani pelbagai jenayah penyalahgunaan dadah, penyeludupan dan juga pemerdagangan manusia selain kerajaan hendaklah juga merangka pendekatan yang komprehensif dan menangani kemasukan pendatang tanpa izin.

Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Wisma Putra, apakah bentuk atau pendekatan alternatif terkini terutama di kalangan anggota ASEAN? Bagi menangani peningkatan aktiviti ketenteraan yang boleh mengancam tahap diplomatik negara-negara terbabit ini. Adakah kita menggunakan pendekatan yang lebih berhemah dan berhelah dalam menangani isu di Laut China Selatan sejak sekian lama? Soalnya sekarang ialah setakat mana kebersamaan negara ASEAN dalam hal ini untuk berdepan dengan China mahupun Amerika Syarikat sendiri yang menunjukkan minat terhadap negara kita.

Kita faham kebanyakan menuntut kepulauan berkenaan kerana faktor keselamatan dan kekayaan mineral serta sumber asli yang terdapat di wilayah tersebut. Kedudukan yang strategik membolehkan negara berkenaan mendirikan pengkalan tentera sekali gus memberi kelebihan dari segi kepentingan dan juga mengawal perairan. Khazanah geomineral seperti minyak dan gas yang banyak membolehkan negara menuntut menggunakannya untuk menambah sumber.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tahap keselamatan dalam negara. Permasalahan sewaktu COVID-19 ini mempunyai hikmah yang sangat besar di mana kerajaan menerusi pihak berkuasa dan keselamatan dapat mengawal pergerakan manusia terutama dari aspek pelbagai jenayah, penyalahgunaan dadah, penyeludupan, dan juga pemerdagangan manusia termasuk kemasukan pendatang tanpa izin. Pohon statistik jumlah kes indeks jenayah untuk seluruh negara sepanjang waktu COVID-19 serta jumlah kes kemalangan pada tempoh yang sama.

Kalau kita lihat kes kemalangan yang membabitkan kes pemandu mabuk, saya beranggapan sangat rendah disebabkan penutupan premis pusat hiburan serta arahan PKP dan juga PKPB. Akan tetapi, sebaik sahaja ada kelonggaran dari aspek pergerakan, kes pemandu mabuk ini melonjak naik. Masalah besar sekarang ialah kes pemandu mabuk ini

membabitkan orang lain sehingga berlaku kematian. Tindakan pemandu mabuk ini sangat kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Memang benar kerajaan mengambil serius dan telah meluluskan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987. Akta 333 di Dewan Rakyat yang memperlihatkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga RM150 ribu tetapi ia tidak memadai. Saya mencadangkan supaya hukuman mati perlu dimasukkan dan denda sehingga RM500 ribu perlu ada dan baharu kita nampak terkesan dan kegerunan di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan saya menerusi Dewan yang mulia ini kesenangan dan kemakmuran yang akan diperoleh itu ialah hasil daripada segala usaha yang dilakukan pada masa sekarang apatah lagi di waktu susah dan sukar yang kita lalui yakini berdepan dengan COVID-19. Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan Perikatan Nasional yang telah melaksanakan satu pendekatan *bottom up*, dengan izin, untuk menerbitkan Sukuk Prihatin.

Saya melihat inisiatif sukuk ini membuka peluang langganan kepada orang awam dan pihak korporat sebagai satu bentuk penyatuan sumber yang mencerminkan *solidarity* rakyat Malaysia dalam membina semula ekonomi negara. Persoalannya sekarang, sejauh manakah pemahaman dan sebaran maklumat kepada rakyat dan golongan niaga bersasar dilaksanakan terutama kerajaan telah mengatakan bahawa langganan dari terbitan Sukuk Prihatin ini akan disalurkan ke dalam Kumpulan Wang COVID-19.

Apakah kaedah penyampaian bagi setiap program-program yang dikatakan akan dibiayai oleh Sukuk Prihatin terutama bagi manfaat pihak-pihak yang terkesan oleh COVID-19? Ini termasuklah menambah baik *connectivity*, dengan izin, di sekolah-sekolah di kawasan pedalaman agar anak-anak kita yang terkesan boleh meneruskan pembelajaran secara digital. Setakat manakah ia akan memberi sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana ataupun PKS mikro yang terjejas akibat COVID-19 terutamanya usahawan wanita dan belia di kawasan luar bandar?

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, kerajaan negara perlu mencari peluang pelaburan yang baharu ataupun bentuk inovasi baharu dari pelaburan yang sedia ada. Mereka cipta peluang pelaburan perlu diperkasakan bagi membuka ruang perniagaan dan pekerjaan. Soal ini perlu diambil serius apatah lagi Tuanku Agong ada menitahkan dalam ucapannya turut menyentuh soal projek berimpak tinggi.

Pelaburan yang berkualiti dan Revolusi Industri 4.0 ini menunjukkan kerajaan perlu mengambil inisiatif yang drastik dalam usaha memulihkan ekonomi negara semula. Berdasarkan statistik Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), pihak MIDA mengenal pasti sebanyak 433 projek baharu berpotensi dengan nilai sebanyak RM97.4 bilion untuk melabur di Malaysia.

Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Ekonominya, projek berimpak tinggi ini dijangka memberikan kesan langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jadi saya pohon penjelasan, apakah projek-projek baharu yang dimaksudkan itu? Ini supaya rakyat dan kelompok industri perniagaan mengetahui rancangan-rancangan kerajaan dengan lebih lanjut lagi.

Projek-projek berimpak tinggi ini perlu juga telus dan memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Cuma yang agak merisaukan juga adalah dalam keadaan pertembungan perang dagang antara Amerika Syarikat dan China. Jadi saya hendak bertanya apakah usaha yang telah dilakukan untuk *relocate*, dengan izin, operasi mereka ke rantau ini khususnya di negara kita Malaysia.

■1500

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia yang kini berada dalam pasca COVID-19 dilihat oleh Bank Dunia bahawa unjuran keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan melonjak pada kadar 6.3 peratus hingga 7.5 peratus pada 2021. Memang ketika ini kita di tahap pemulihan dan berdasarkan daripada 195 buah negara dunia, 150 negara mengalami kelembapan pertumbuhan ekonomi. Namun pakar ekonomi termasuk badan antarabangsa baru-baru ini termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah mengemukakan laporan yang terbaru bahawa pertumbuhan ekonomi Malaysia akan meningkat seperti yang saya sebutkan tadi.

Dalam hal ini, saya juga hendak bertanya dari aspek usahawan pertanian *agropreneur* yang boleh diperluaskan kepada projek pertanian berimpak tinggi (HVF). Jadi saya hendak tahu, setakat mana perhatian kerajaan terutama di bawah Kementerian Pertanian dan juga industri makanan ini. Apakah ada pembabitan antara usahawan belia terutama di luar bandar melalui HVF ini yang mana sefaham saya kita mempunyai Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC).

Saya dimaklumkan juga bahawa kita mempunyai Kumpulan Pertanian Bernilai Tinggi (HVFG) di bawah persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia yang boleh memfokuskan peningkatan ekonomi pekebun kecil Malaysia melalui HVF. Malah menerusi HVFG, mereka mempunyai pakar dalam pelbagai jenis tanaman seperti bunga orkid, pisang, mangga harum manis, vanilla, durian, strawberi, buah tin dan beberapa tanaman lain yang mampu memberi pulangan yang tinggi.

Saya juga hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat juga pembangunan pekebun kecil terutamanya generasi kedua melalui pemerksaan koperasi luar bandar kerana ia tampak amat penting untuk menjana dan meningkatkan pendapatan ahli. Malaysia mempunyai ratusan koperasi berkaitan pertanian dan sumber koperasi ini perlu diperkasakan sebaiknya melalui penyertaan golongan muda dan urusan pentadbirannya. Sebagai contoh, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)

mempunyai 65 koperasi, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan 56 Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM), Koperasi Rancangan FELDA sebanyak 289 buah manakala FELCRA mempunyai lapan cawangan Koperasi Peserta-peserta FELCRA Malaysia Berhad. Jumlah ini banyak dan mesti dimanfaatkan sebaiknya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Revolusi Industri 4.0. Pada pertengahan 2016 sehingga sekarang pada tahun 2020 ia banyak membabitkan teknologi automasi yang mana cabaran baharu ini telah meresap ke dalam semua sektor perkhidmatan dan perindustrian negara. Ia menuntut perubahan semua pihak seiring transformasi digital itu. Ini supaya kita dapat terus kekal berdaya saing dan merencanakan kemajuan landskap dunia moden. Memandangkan ia bakal memberi kesan langsung kepada masa depan dunia pekerjaan, Malaysia antara negara yang mempunyai persediaan secara komprehensif dalam menghadapi revolusi digital ini.

Berdasarkan data Bank Data Negara dan Inovasi Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri, inisiatif itu mula dilaksanakan mengikut keutamaan sebelum gelombang IR 4.0 mula melanda negara Asia. Hasilnya, data ICU menjelaskan sumbangan ekonomi digital Malaysia kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hampir mencecah 18.2 peratus yang ditetapkan pada 2020. Jadi saya hendak tahu, setakat mana usaha kerajaan untuk melaksanakan pelbagai program berkaitan eDagang, hab digital Malaysia dan *digital maker movement* yang saya melihat sangat mendadak kepenggunaannya terutama di waktu PKP, PKPB dan juga PKPP.

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) antara agensi bertanggungjawab menguruskan Zon Perdagangan Bebas Digital pertama dunia. Apakah keberhasilan pencapaiannya yang mana kita tahu MDEC berfungsi sebagai zon khusus aktiviti perniagaan sama ada secara fizikal dalam talian bagi merangsang aktiviti keusahawanan? Sejauh manakah program *outreach*, dengan izin, atau jangkauan di pelbagai platform bersesuaian untuk mempersiapkan masyarakat dengan perkembangan dan kemajuan dalam bidang IR 4.0?

Sebahagian besarnya berkisar kepada dunia tanpa sempadan. Teknologi robotik, objek rangkaian internet, kepintaran buatan AI, *data analytic*, pemprosesan imej, perisian, sistem komunikasi mudah alih, percetakan dimensi 3D, keselamatan siber, simulasi dan integrasi sistem digital antara elemen baharu yang mula mengambil alih fungsi pekerjaan dan sistem sedia ada dan saya mahukan Malaysia terutama golongan belia dan mereka di luar bandar mendapat manfaatnya.

Pada peringkat institusi pendidikan dan teknikal serta industri, apakah kerjasama terkini ketika pasca COVID-19? Perkara ini penting kerana secara tidak langsung membuktikan revolusi dan perkembangan teknologi terutama dalam kalangan generasi muda perlu dikekalkan perhatian itu.

Saya percaya negara kita ini menerusi pendidikan teknikal vokasional, TVET ada mewujudkan kerjasama strategik antara institusi pendidikan dan industri. Malahan sebagai persediaan jangka panjang, saya juga melihat Kementerian Pendidikan turut berhasrat untuk memperkenalkan *syllabus* AI dalam robotik dalam mata pelajaran Reka Cipta dan Teknologi (RBT) kepada murid Tahun 4 mulai tahun 2021 nanti. Jadi kita hendak tahu, apakah *progress*, dengan izin, pelaksanaan cadangan itu?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia tidak terkecuali dengan masalah pengangguran yang meningkat secara mendadak kerana COVID-19. Kita reda akan keadaan itu kerana di sebalik kejadian itu ada hikmahnya. Namun, kadar pengangguran dalam anggaran 800,000 orang yang mana pada bulan Mei lalu mencatatkan 5.3 peratus tetapi mula menurun pada 4.9 peratus dan saya percaya bulan September sudah berkurangan di bawah 4.7 peratus. Pohon statistik terkini pihak kementerian.

Saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini sektor- cuma saya *concern* sedikit Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana krisis berkembar ekonomi dan kesihatan awam ini adalah peningkatan pengangguran yang berlaku dalam kalangan belia dan ini adalah isu yang membimbangkan kita. Belia paling terjejas kerana mereka biasanya kumpulan terakhir diupah majikan dan kelompok pertama diberhentikan kerana kekurangan pengalaman bekerja serta jaringan sosial termasuk ketidakpadanan kemahiran.

Di negara kita ini, belia antara 15 tahun hingga 24 tahun menyumbang seramai 2.8 juta tenaga buruh iaitu 18 peratus tetapi sudah mewakili 58.2 peratus jumlah penganggur. Sebelum COVID-19, pengangguran belia kekal tinggi dengan 35.6 peratus datang daripada berpendidikan tinggi. Pada masa yang sama, tenaga buruh cenderung kepada golongan berpendidikan rendah sebanyak 70.4 peratus.

Ramai bakat muda dalam sektor tidak formal. Pekerjaan sementara atau mengambil keputusan melanjutkan pelajaran akhirnya belia diberi gaji yang rendah, keselamatan sosial terhad dan ditempatkan di persekitaran kerja tidak berapa baik. Menurut Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO), 77 peratus daripada 1.3 juta belia di dunia terabit dalam kerja tidak formal. Keadaan pengangguran di negara kita meningkat kepada lima peratus pada April, lebih tinggi berbanding 3.9 peratus pada Mac dan bulan Mei 5.3 peratus. Disebabkan krisis ini, belia kekal sebagai kumpulan paling tidak bernasib baik dengan kadar pengangguran semakin meningkat 12.9 peratus, lebih tinggi berbanding 13.3 peratus pada Mac.

Saya juga hendak bertanya, apakah keberhasilan yang telah dicapai di bawah lanjutan Program Subsidi Upah, Insentif Pengambilan Pekerja dan Program Latihan, peruntukan peningkatan kemahiran dan latihan semula, penubuhan unit khas untuk pekerjaan negara serta menaik taraf portal perkhidmatan pekerjaan di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) terutama bagi golongan belia yang menganggur.

Akhir sekali, saya juga ingin bertanya kepada sistem pendidikan ke pendidikan- *E-to-E*, dengan izin, telah diterapkan dalam sistem kita. Bagaimana dengan TVET yang menampakkan ke arah itu? Saya percaya kumpulan TVET dapat memainkan peranan utama, dan peningkatan dalam kadar pendaftarannya antara strategi menghasilkan golongan belia berkemahiran tinggi. Kajian menunjukkan akses latihan vokasional lebih tinggi berkait rapat dengan kadar pengangguran lebih rendah.

Setakat ini, apakah peranan penyelaras TVET negara yang seharusnya menjadi pemacu utama melahirkan tenaga mahir tempatan? Apakah ada kursus dalam talian yang ditawarkan PERKESO dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) serta kerjasama TVET boleh membantu meningkatkan kemahiran dan menyusun semula bakat tempatan menjadi belia kemahiran digital? Pohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah laksanakan amanah dengan baik dan menyelamatkan negara dari kemelut rebutan kuasa politik berterusan yang ditinggalkan oleh bekas Perdana Menteri yang ketujuh. Justeru itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yasin adalah Bapa Kesejahteraan rakyat, bukan pengkhianat seperti tohmahan jijik pihak pembangkang.

Sehubungan dengan itu, saya dengan rendah diri mengucapkan terima kasih atas ruang dan peluang untuk saya berbahas. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Saya pohon menyokong Titah Diraja Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Dipersilakan.

3.12 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam sejahtera dan salam Hari Kemerdekaan Negaraku Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang baru dilantik pagi tadi.

Saya merasa amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Menjunjung kasih Tuanku kerana keprihatinan Tuanku ke atas kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya negara Malaysia yang masih dalam keadaan memerangi penularan wabak COVID-19 sehingga kini. Pada masa yang sama, saya secara keseluruhannya menyokong usul yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya ucapkan lebih lanjut, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat dan petugas barisan hadapan yang telah bertungkus-lumus membantu rakyat Malaysia mengharungi penularan wabak COVID-19 sejak tahap Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ke tahap PKP Bersyarat atau PKPB sehingga PKP Pemulihan. Kami bersama rakyat Malaysia sentiasa bersama anda dan tidak sekali kita akan melupai pengorbanan yang telah dicurahkan serta kita bersama teguh untuk menghadapi wabak ini bersama.

Dengan itu, saya juga bersama Yang Berhormat Senator Datuk Razali menyokong segala inisiatif kritikal dan elaun serta penganugerahan wang tunai kepada kebajikan petugas barisan hadapan harus ditambah dan diberi. Saya juga menyeru agar sebarang kemudahan atau kebajikan kepada pihak yang terlibat dan petugas barisan hadapan diperhalusi dengan mengutamakan faktor keselamatan perlindungan pihak ini bersama keluarga mereka. Ini adalah untuk memastikan agar pihak dan petugas barisan hadapan dapat melindungi rakyat Malaysia dan kerajaan melindungi mereka serta keluarga mereka.

Pada kesempatan ini juga saya ingin mendapatkan pencerahan Kementerian Dalam Negeri untuk menyatakan struktur dan jumlah gaji serta elaun bulanan bagi anggota-anggota polis. Sama ada kementerian akan menambah elaun perumahan bagi anggota-anggota polis berpangkat rendah bagi meringankan beban dan kos kehidupan mereka yang juga terjejas akibat krisis COVID-19?

Tuan Yang di-Pertua, ketika negara dilanda penularan wabak COVID-19, kita pada masa yang sama menghadapi peralihan kerajaan baharu atau perubahan politik domestik. Pada awalnya, keadaan ketika itu menimbulkan kegelisahan segelintir masyarakat apabila Malaysia berhadapan dengan dua cabaran gelombang perubahan.

Namun, prestasi kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yasin dalam menghadapi penularan wabak COVID-19 terbukti jelas mencerminkan Perdana Menteri kelapan mendahulukan kesejahteraan dan kebajikan rakyat Malaysia di samping perkara-perkara lain. Ini adalah jelas apabila Perdana Menteri kelapan pantas memutuskan agar Malaysia perlu mengambil langkah PKP berbanding kerajaan sebelum ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berani ke atas keputusan agar sempadan Malaysia ditutup demi mengawal penularan wabak COVID-19. Keputusan masih diteruskan oleh beliau dengan mengetahui PKP menjejaskan ekonomi Malaysia sebanyak RM2.4 bilion setiap hari. Jumlah kerugian dianggarkan sekitar RM63 bilion sehingga bulan Mei dan memberi impak kepada sumber pendapatan rakyat Malaysia.

Rakyat Malaysia juga memahami dan jelas ke atas keperluan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berani mengambil keputusan tersebut dan kepimpinan beliau dalam mitigasi COVID-19 mendapat sokongan yang positif daripada rakyat Malaysia. Ini adalah jelas

dalam satu tinjauan ekonomi yang telah dilaksanakan iaitu bertajuk *Public knowledge, attitudes and practices towards COVID-19: A cross-sectional study in Malaysia*, dengan izin. Hasil tinjauan menunjukkan 95.9 peratus percaya kemampuan Malaysia untuk mengatasi COVID-19 dan yang paling ketara dalam tinjauan ini ialah 89.9 peratus sependapat dengan cara Kerajaan Malaysia menangani penularan wabak COVID-19.

Berikutnya, saya juga merujuk kepada satu kajian pandangan masyarakat yang dilakukan oleh institut antarabangsa ke atas 23 negara dengan jumlah saiz sampel melebihi 12,500 orang. Dengan tinjauan pandangan ke atas 500 orang di Malaysia, prestasi kerajaan dan kepimpinan Malaysia mencapai 59 peratus dan satu daripada tujuh negara yang didapati mempunyai respons mitigasi yang bagus ke atas COVID-19. Manakala 66 peratus orang di Malaysia berpandangan prestasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencapai *above expectation*, dengan izin.

Sebahagian besar masyarakat berpandangan keutamaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepanjang tempoh PKP dan PKP Bersyarat ialah kesihatan rakyat dan kesiapsiagaan. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yasin juga menumpu kepada kemudahan dan infrastruktur sektor kesihatan, keselamatan makanan serta keperluan asas rakyat dalam negara. Ini juga termasuk menyalurkan maklumat yang tepat dan betul kepada masyarakat ketika Malaysia melaksanakan PKP dan PKP Bersyarat, usaha mengurangkan kesan ke atas ekonomi serta memberi bantuan kewangan kepada semua sektor ekonomi dan juga setiap lapisan masyarakat yang terjejas. Dalam kata lain, *leaving no one behind*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh kedudukan pasaran buruh Malaysia dari fasa PKP sehingga PKP Pemulihan. Laporan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada 7 Ogos 2020 memperlihatkan pemulihan terutamanya kadar pengangguran buruh pada bulan Jun 2020 berlaku penurunan kepada 4.9 peratus atau 773 ribu orang tiada kerja berbanding 5.3 peratus pada bulan Mei 2020. Walaupun begitu, kadar pengangguran tersebut masih kelihatan tidak memuaskan jika dibandingkan sasaran Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) iaitu empat peratus.

Perkara yang saya ingin menarik perhatian kerajaan ialah pepadanan permintaan pekerjaan dengan bekalan peluang pekerjaan yang sedia ada dan penjana peluang pekerjaan baru selepas krisis COVID-19 ini dan meneruskan usaha pengekalan pekerjaan.

■1520

Sebelum COVID-19, penggajian sektor buruh di Malaysia kekal pada tahap 3.3 peratus atau ke bawah di semua aktiviti ekonomi perindustrian, pembuatan, peruncitan, perdagangan borong, terutama industri kecil dan sederhana (IKS). Ketika pelaksanaan PKP, pasaran buruh Malaysia amat terjejas.

Menurut laporan tinjauan *JobStreet* bulan Ogos 2020, menunjukkan 18 peratus daripada sejumlah 5,152 pekerja telah dibuang kerja secara tetap dan 54 peratus masih aktif mencari kerja. Perangkaan yang menunjukkan pemulihan pasaran buruh dan penggajian kerana hampir kesemua dibenarkan beroperasi dengan tatacara piawaian atau SOP yang ketat dan norma baharu. Laporan yang sama juga menunjukkan kebanyakan syarikat atau industri mula mempunyai permintaan pasaran buruh bagi enam bulan yang akan datang. Syarikat dan industri juga bertindak menggaji semula pekerja yang telah dibuang kerja sebelum ini.

Sekarang, Malaysia dalam fasa PKP Pemulihan. Keadaan ini telah memberi ruang semua syarikat atau industri untuk menilai semula dan mempertimbangkan langkah mitigasi yang lebih menyeluruh serta lebih bersedia bagi menghadapi cabaran seperti krisis COVID-19. Kegawatan ekonomi di masa hadapan, terutamanya kaedah konvensional yang kerap dipraktikkan oleh IKS perlu dirombak kepada kaedah yang lebih berdaya tahan. Sistem pengurusan sumber manusia syarikat atau industri yang lebih moden seperti praktis waktu bekerja fleksi atau *work from home (WFH) practise*, dengan izin.

Saya amat menyokong Program Subsidi Upah dan Program Pengekalan Pekerjaan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu pekerja dan pihak majikan. Hasil program tersebut telah membuahkan hasil dengan sebanyak 2.75 juta pekerjaan berjaya dikekalkan dalam sektor masing-masing. Di perspektif pekerja pula, sikap perlu lebih terbuka, terutama menyesuaikan diri dengan norma baharu, SOP dan melengkapkan diri dengan kemahiran baharu yang diperlukan dalam syarikat dan industri kini dan selepas COVID-19. Pekerja yang masih mempunyai pekerjaan kini kembali ke syarikat atau industri.

Namun, wujud praktis yang menyarankan pekerja untuk merombak kontrak penggajian sedia ada. Pekerja yang telah bekerja untuk syarikat atau industri ketika tempoh PKP, tidak memperoleh ganjaran yang setimpal. Maka, saya ingin mendapatkan pandangan daripada Kementerian Sumber Manusia mengenai perkara berikut.

Pertama, langkah untuk menggalakkan pekerja tempatan mengambil peluang pekerjaan yang telah dikosongkan oleh pekerja asing amat saya galakkan. Namun, sektor tersebut kebanyakannya ialah sektor 3D iaitu *dirty, difficult and dangerous*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan saya, kementerian perlu lebih agresif dalam hal ini. Sebagai contohnya, penjenamaan semula sektor dikatakan 3D kepada *hands on, challenging, essential jobs*, dengan izin. Bagaimana kementerian menyediakan pekerja tempatan untuk disalurkan dalam sektor-sektor ini? Dalam masa yang sama, majikan daripada sektor-sektor ini telah mengeluh dan merungut kekurangan pekerja. Apa yang berbeza daripada kerajaan sebelum ini?

Kedua, kerajaan sedang merangka Pelan Induk Ekonomi Digital dan mengemukakan pada bulan Oktober akan datang. Saya menyokong pelan ini kerana ia menjadi sasaran

rancangan kepada tiga atau lima tahun yang akan datang. Melindungi pekerja ketika syarikat atau industri melaksanakan rombakan kepada automasi dan sistem pendigitalan nanti. Saya ingin mengetahui daripada kerajaan sama ada telah mengadakan sesi *online town hall*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, bersama pekerja bagi mendengar maklum balas, pendapat dan cadangan rakyat jelata mengenai pelan induk tersebut.

Saya ingin membangkitkan perhatian kerajaan. Menurut pengetahuan saya, pekerja-pekerja di dalam *gig economy* atau pemandu *e-hailing* terdapat perbezaan di bawah akta pekerjaan sedia ada kerana mereka dianggap sebagai rakan kongsi kepada syarikat perkhidmatan *e-hailing*.

Ketiga, saya ingin mengetahui lebih lanjut daripada Perdana Menteri, adakah hala tuju ekonomi negara akan diselaraskan semula di bawah pelan induk tersebut dengan memberi penekanan kepada pembangunan digital atau automasi perdagangan kecil dan mikro bagi membuka lebih ruang untuk usahawan tempatan, termasuk memperbanyakkan peluang bagi peniaga tempatan untuk berurusan dengan kontraktor besar yang mengendalikan projek mega negara.

Keempat, dasar dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2020 telah menyasarkan agar pekerja asing akan dikurangkan. Wawasan 2020 juga telah menetapkan agar penglibatan pekerja asing dalam pasaran buruh Malaysia hanya dihadkan pada 15 peratus. Maka, saya ingin mengetahui, apakah dasar baharu kerajaan sekarang mengenai pekerja asing?

Apakah sasaran baharu diperkenalkan ataupun apakah langkah drastik untuk mengurangkan jumlah pekerja asing yang dikatakan 6 juta orang tanpa mengira status sah atau tidak sah di Malaysia? Apabila statistik yang dilaporkan dalam media yang menyatakan sejumlah 67,068 orang pekerja tempatan dan 4,753 orang pekerja asing kehilangan pekerjaan setakat Julai ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah liputan Internet dan mudah alih 4G dan 5G yang masih tidak mencapai tahap memuaskan. Keadaan lebih ketara apabila tempoh PKP. Perkara yang kerap saya bawa ke dalam Dewan yang mulia ini ialah kadar penembusan liputan Internet dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Aliran trafik Internet seluruh negara telah meningkat sebanyak 23.5 peratus pada minggu pertama PKP. Minggu PKP berikutnya, meningkat sebanyak 8.6 peratus.

Namun, penembusan kelajuan Internet, terutamanya 4G telah berlaku penurunan. Ini adalah jelas mengikut tinjauan *Opensignal* bulan April. Penurunan ketara daripada 13.3 megabit sesaat kepada 10.0 megabit sesaat, kepada 8.8 megabit sesaat. *Opensignal* bulan Jun pula menunjukkan prestasi tembusan atau kelajuan 4G variasi pada tahap negatif 35.5 peratus pada 23 sehingga 29 Mac 2020.

Bermula 18 hingga 20 Mei 2020, prestasi masih pada tahap negatif 6.4 peratus variasi. Keadaan ini kelihatan berubah kerana Malaysia kini dalam tahap pemulihan. Perkara ini menyebabkan pihak perniagaan komersial usahawan *e-commerce* mengalami kekecewaan. Pekerja yang terpaksa bekerja di rumah dan urusan perdagangan menjadi lambat serta menjatuhkan tahap produktiviti. Ini merupakan satu daripada kekangan kepada Malaysia dan perlu berusaha lebih kuat membawa Dasar Revolusi Industri 4.0 dan *the Internet of Things* Malaysia.

Saya sekali lagi menyeru kepada kementerian, memastikan liputan Internet dan 4G atau 5G mencapai sasaran 55 peratus. *Liberation*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kawal selia liputan Internet dan 4G atau 5G serta pembinaan infrastruktur diperluaskan kepada pasaran *telco* antarabangsa selain Telekom Malaysia boleh menjadi rujukan kementerian. Ini akan membawa penawaran liputan Internet dan 4G atau 5G kompetitif, perkhidmatan yang lebih baik dan pelbagai.

Kedua, kolaborasi kementerian bersama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan boleh meningkatkan tugas pemantauan kestabilan keupayaan perkhidmatan dan penembusan Internet dan 4G atau 5G sentiasa pada tahap maksimum.

Ketiga, saya ingin menyokong agar kementerian dalam bajet yang akan datang memberikan pelepasan cukai yang lebih menarik ke atas langganan Internet dan 4G atau 5G kepada individu merangkumi pihak industri. Pelepasan cukai ini membantu IKS untuk mentransformasikan model perniagaan kepada digital dalam kos operasi perniagaan terkawal.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai anjakan ke atas Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM2,208. Ucapan tahniah kepada kerajaan yang telah bertindak menganjak paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) kepada RM980 kepada RM2,208. Perkara ini juga telah saya bangkitkan dalam perbahasan saya ketika Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas terdahulu.

Sebagaimana yang saya bangkitkan laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas sebelum ini, paras PGK yang dirujuk ialah RM960 bagi Semenanjung, RM1,180 bagi Sabah dan RM1,020 bagi Sarawak. Ukuran tersebut juga telah diguna pakai oleh Jabatan Kebajikan Malaysia dan sistem eKasih bawah Unit Perancang Ekonomi (EPU). Maka saya ingin mengetahui daripada kerajaan setelah anjakan ini, apakah jumlah rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin tegar, miskin dan kumpulan M40, sebelum serta selepas anjakan ini. Saya ingin juga mencadangkan kembali agar PGK baru ini mengambil kira indeks kemiskinan pelbagai dimensi (MPI).

Sehubungan dengan ini, keadaan pendapatan isi rumah di setiap negeri di Malaysia amat berbeza. Ini juga perlu mengambil pertimbangan ke atas sektor-sektor pekerjaan yang

juga berlainan di antara satu sama lain. Pertimbangan kementerian untuk mewajibkan gaji permulaan bagi 160 jenis pekerjaan berkemahiran mengikut peringkat yang ditetapkan di bawah pendidikan teknikal dan latihan vokasional atau TVET.

Penyelidikan Bank Negara yang telah dijalankan menuju *living rate* atau kos sara hidup bulanan di ibu negara Kuala Lumpur adalah RM4,500 bagi isi rumah tanpa bebanan anak dan isi rumah dengan dua orang anak ialah RM6,500. Penyelidikan yang telah diterbitkan oleh *Khazanah Research Institute* pula mengkategorikan isi rumah B40 merupakan kumpulan yang memperoleh pendapatan bulanan di bawah RM4,360. Saya juga ingin mengetahui apakah dasar kerajaan kini untuk melihat semula Akta Gaji Minimum, cukai pendapatan kepada individu dan bantuan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dibangkitkan dalam Titah Ucapan oleh Yang di-Pertuan Agong. Masalah keselamatan dalam negara yang utama ialah kekangan untuk membanteras penyeludupan dan pemerdagangan manusia di negara yang masih dibanjiri Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Pihak yang terlibat seperti polis, tentera dan Jabatan Imigresen terpaksa bekerja keras untuk membanteras mereka.

Mereka ditahan dan ditempatkan di kementerian tahanan sementara dan selepas itu menghantar kembali ke negara asal mereka. Menurut statistik Kementerian Dalam Negeri yang diterbitkan 10 Ogos 2020, seramai 21,241 diusir dan 15,057 PATI masih dalam depot tahanan. Syabas kepada petugas barisan hadapan yang mengawal sempadan dan pintu masuk negara.

Saya juga ingin menegaskan kepada semua, negara Malaysia adalah tegas dalam isu penyeludupan PATI dan pemerdagangan manusia, tetapi kami tidak pernah kejam ke atas mereka sekiranya mereka ditahan. Saya juga berharap agar Kementerian Dalam Negeri dapat memberikan perangkaan mengenai tangkapan ke atas tekong, penyeludup dan dalang kemasukan PATI. Siapa mereka ini sejak tempoh PKP sehingga kini? Apakah perangkaan berbanding dengan usaha kerajaan sebelum ini? Adakah sindiket-sindiket ini juga mempunyai penglibatan warna tempatan? Adakah warga asing yang menjalankan perniagaan di Malaysia juga terlibat?

Ketiga, tempoh PKP dan PKP Bersyarat COVID-19, ramai pekerja asing yang mempunyai permit kerja sah kini menjadi PATI. Ini adalah kerana pihak majikan dan agensi pekerjaan swasta telah memecat serta mengabaikan mereka. Saya memantau operasi yang dikuatkuasakan sekitar ibu kota Kuala Lumpur menunjukkan Kuala Lumpur dibanjiri dengan PATI termasuk yang berasal daripada negeri-negeri lain. Maka pada pendapat saya, isu penyeludupan PATI dan pemerdagangan manusia seharusnya diatasi sehingga ke akar umbi. Tanpa penguatkuasaan undang-undang dan operasi tegas Malaysia akan dibelenggu dengan isu PATI ini. Ini termasuk mengenakan hukuman berat ke atas majikan-majikan termasuk

agensi pekerjaan swasta yang bersekongkol dengan tekong dan penyeludup yang membawa masuk PATI sebagai pekerja di Malaysia.

Kebanyakan PATI terdiri daripada pendatang haram yang menyusup masuk dengan menggunakan dokumen palsu. Maka, operasi yang gempur dijalankan oleh Jabatan Imigresen bersama agensi lain baru-baru ini perlu dipuji. Melalui operasi pembanterasannya dokumen palsu, langkah memperketat ketulenan dokumen perjalanan atau kad pengenalan diri perlu dikaji semula, kemasukan dan pengawasan lebih tegas dalam memantau kemasukan pekerja asing ke dalam negara kita. Pengairan dan pintu masuk darat negara juga harus dikawal sepanjang masa untuk mengelakkan mereka menyusup melalui jalan laut atau darat.

Kerajaan juga perlu bekerjasama rapat dengan kedutaan asing negara sumber pekerja asing. Kedutaan asing negara sumber diharapkan dapat mempercepatkan respons mereka ke atas rakyat mereka masing-masing supaya PATI dapat dihantar balik dengan selamat. Hal ini akan mempertingkatkan kecekapan tenaga, tanggungan peruntukkan kerajaan dan masa. Maka saya juga berharap kerajaan dapat memberikan penjelasan mengenai peranan yang dimainkan oleh kedutaan asing negara sumber sepanjang tempoh PKP serta PKP Bersyarat dan membantu usaha penghantaran pulang rakyat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan Hari Kemerdekaan ke-63 yang baru sahaja kita sambut pada 31 Ogos 2020, saya ingin menyatakan sokongan kepada usul yang telah dicadangkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris sebelum ini yang mencadangkan supaya Kementerian Perpaduan Negara serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia perlu melipatgandakan kempen memperkasa Rukun Negara dalam kalangan rakyat.

Saya berasa sedih melihat masih terdapat pelbagai tindakan provokasi yang tidak bertanggungjawab berlaku biarpun telah 63 tahun negara kita menyambut kemerdekaan. Masih ada lagi isu bendera kebangsaan kita, Jalur Gemilang yang digantung terbalik. Isu menghina institusi diraja, isu memperlekehkan Bahas Kebangsaan dan pelbagai lagi yang tidak seharusnya wujud dalam kalangan rakyat yang merdeka.

Oleh itu saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Perikatan Nasional mengupas satu akta khusus berkaitan Jalur Gemilang. Negara luar seperti Amerika Syarikat, India dan Singapura contohnya mempunyai akta khas bagi kesalahan mempersendakan bendera kebangsaan mereka. Saya kira dengan pelbagai isu dan provokasi mengenai bendera terbalik yang berlaku pada ketika ini. Ini adalah waktu yang tepat bagi kerajaan untuk melaksanakan undang-undang ini agar setiap rakyat dapat memberi penghormatan yang sewajarnya terhadap Jalur Gemilang.

Saya juga ingin menyeru kepada pihak kerajaan untuk mengembalikan kempen-kempen bulan kemerdekaan dengan lebih agresif mulai saat ini. Jika dahulu sewaktu era 90-

an, saya dapat lihat kebanyakan kenderaan akan mengibarkan Jalur Gemilang di kereta masing-masing apabila bulan kemerdekaan. Akan tetapi, situasi seperti ini tidak lagi saya nampak pada hari ini.

Jadi besar hati saya sekiranya kerajaan melalui Kementerian Perpaduan dapat memperkasa dan melaksanakan dasar dan tindakan yang lebih aktif dan progresif dalam memupuk nilai kewarganegaraan dalam diri setiap rakyat di Malaysia yang berbilang kaum selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan perbahasan saya dengan harapan agar huraian dan pencerahan yang saya kemukakan boleh dipertimbangkan oleh kerajaan dan kementerian-kementerian terlibat secara mendalam agar suara rakyat didengari dan memastikan kesejahteraan rakyat terus dipelihara. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

■1540

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Lim Pay Hen. Banyak isi-isi yang terbaik dan ada semangat perjuangan itu. Terima kasih banyak. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu usul berbunyi,

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih ke atas Titah Diraja Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Majlis Parlimen Yang Keempat Belas dikemukakan kepada Majlis sekarang dan terbuka untuk dibahas.”

Ahli-ahli Yang Berhormat- saya buka dulu peluang kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid, dipersilakan.

3.41 ptg.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah... [Berselawat atas Nabi] [Membaca sepotong ayat Al-Quran].* Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana diberi kesempatan untuk berbahas pada menjunjung kasih- mengemukakan Usul Menjunjung Kasih

di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga Majlis Parlimen Yang Ke-14 pada 18 Mei yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti Titah Tuanku yang sebanyak 17 muka surat, saya ingin mengambil ataupun membuat *quote* kepada perenggan ke-34. Saya *quote*; “*Beta amat menghargai taat setia dan sumbangan anggota-anggota perkhidmatan awam, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, serta agensi-agensi kerajaan yang telah mencurahkan khidmat bakti dan usaha memajukan negara sehingga menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman makmur dan disegani.*”

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tujukan perkara ini, khas untuk kumpulan-kumpulan yang dipanggil *frontliners*, dengan izin, atau barisan hadapan. Mengambil kesempatan penghargaan yang telah diberi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan sebagai mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita wujudkan Pingat Khidmat Berani COVID-19 kepada semua *frontliners* ataupun petugas-petugas barisan hadapan yang telah bersusah payah ataupun berhadapan dengan risiko dalam menghadapi COVID-19.

Kita sendiri maklum bahawa usaha kita telah diiktiraf oleh dunia, khususnya WHO. Saya juga ingin membangkitkan perkara ini oleh sebab Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan telah dianugerahkan dengan pingat ataupun anugerah ‘*Tan Sri*’. Maka sebab itulah amatlah wajar kita timbangkan untuk *frontliners* juga dikurniakan dengan sedikit pingat kecil iaitu Pingat Keberanian Khidmat COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, selepas meneliti Titah Tuanku semasa pembukaan Dewan Rakyat dan Dewan Negara tempoh hari, saya mentafsirkan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mengandungi lebih daripada 25 perkara.

Saya tafsirkan bahawa Tuanku menitahkan kerajaan supaya mewujudkan satu kerajaan yang lebih adil, lebih sempurna dan lebih teratur. Maka, dengan sebab itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memikirkan menjadikan Malaysia sebagai sebuah kerajaan yang *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*. Ini telah disarankan oleh Allah SWT. Untuk rakan-rakan yang tidak faham, kita tafsirkan bahawa ‘*baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*’ ialah satu negara berkeadilan atau kebaikan yang sentiasa mendapat pengampunan daripada Allah SWT.

Terbukti Tuan Yang di-Pertua, Wawasan 2020, kita gagal mencapainya. Kemudian kita wujudkan pula, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Saya juga sangsi dengan pencapaian tahun 2030. Ini kerana, sesuatu yang berlaku telah menggagalkan usaha kita. Contohnya, serangan pandemik COVID-19 telah menggagalkan segala-galanya ini. Konsep negara dalam urusan berekonomi yang berpandukan kepada dasar kapitalis menunjukkan kegagalan. Kita

ingin menasihatkan kepada 'bilianwan', 'trilianwan', ataupun jutawan yang ada di negara kita bahawa dasar kapitalis tidak membela rakyat. Ini kerana, duit yang ada sekarang, harta yang ada sekarang tidak boleh dibawa ke mana-mana sebab negara-negara lain tidak menerima mereka walaupun ada kapal terbang mereka tidak boleh terbang ke mana.

Maka, sebab itu saya ingin cadangkan *taikun* ataupun orang-orang kaya ini lebih baik dia belanjakan peruntukan dana mereka membantu rakyat Malaysia supaya tiada rakyat Malaysia yang miskin, papa dan tidak dapat cukup makan. Ini merupakan konsep *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*, Tuan Yang di-Pertua. Atas dasar itu juga, kita tahu bahawa apa yang berlaku sekarang merupakan takdir yang mana Pakatan Perikatan Nasional telah memerintah. Itu telah berlaku. Itu merupakan takdir dan kita tidak boleh buat apa-apa. Kita reda dengan apa yang telah berlaku.

Akan tetapi, saya ingin mengajak kerajaan merujuk kepada Kerajaan Jepun. Apabila Perdana Menteri meletakkan jawatan, parti yang memerintah bersidang untuk mencari ganti Perdana Menteri yang baharu. Bukan cari kawan-kawan lain daripada parti lain, bawa lari, kumpul Ahli-ahli Parlimen, dapat lebih bilangan mengatakan kami kerajaan. Itu yang berlaku di Malaysia.

Oleh yang demikian, saya ingin menasihatkanlah kerajaan sekarang ini, lihat-lihatkanlah ke dalam diri apa yang mereka telah lakukan, sama ada perkara itu mengikut saluran yang benar ataupun kita boleh merujuk kepada kerajaan Jepun yang telah meletakkan- Perdana Menteri mereka telah meletak jawatan dan proses-proses seterusnya melantik Perdana Menteri yang baharu sedang dilakukan.

Atas dasar *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur* Tuan Yang di-Pertua, memang kita tidak mahu kehadiran arak khususnya, di dalam negara begitu berleluasa. Terbukti pemandu mabuk telah membunuh rakyat kita berapa ramai? Begitu juga dengan kerja-kerja dengan jenayah-jenayah lain yang disebabkan oleh arak. Maka, sebab itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya meneliti balik kebenaran untuk menjual, meminum dan menghidangkan arak dan apa-apa yang berkenaan dengan arak supaya dapat mengurangkan keburukan kehadiran arak kepada rakyat kita.

Begitu juga saya ingin bertanya kepada kerajaan. Bilakah kerajaan boleh meniadakan hidangan arak di syarikat-syarikat penerbangan yang diuruskan oleh kita, Tuan Yang di-Pertua? Begitu juga dengan judi Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat baru-baru ini usaha kerajaan untuk membanteras kegiatan judi juga sedang diusahakan.

■1550

Kita alu-alukan usaha kerajaan itu supaya diteruskan dan kita sarankan supaya kalau boleh jangan diadakan premis-premis judi dibenarkan. Tiada judi halal, tiada judi haram. Judi ini semua haram Tuan Yang di-Pertua. Hanya judi berlesen atau judi tiada lesen. Sebaik-baiknya kita hendak mencapai sebuah negara yang *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*,

kita kena- kalau tidak boleh hapuskan, kita kurangkan kehadiran arak dan judi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kepada kerajaan demi kesejahteraan rakyat dilihat kerajaan melakukan pendakwaan yang berpilih-pilih ataupun sekarang dikenali sebagai dua darjat. Demi *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur*, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan melihat semula khususnya tindakan pendakwaan-pendakwaan mengenai rasuah. Kita lihat kakitangan kerajaan yang mengambil rasuah sejumlah RM2,000, RM3,000, RM200 ribu begitu pantas tindakannya. Terus memakai baju oren, digari, dibicarakan dan akhirnya disumbat ke dalam penjara.

Akan tetapi kalau yang dihukum ataupun dijatuhkan hukuman rasuah yang berjuta-juta ringgit, kita lihat tindakan ataupun hukumannya begitu perlahan, begitu lewat. Seolah-olah ia memberi petunjuk kepada rakyat kalau hendak selamat, rasuahlah banyak-banyak. Kalau rasuah sikit, cepat tindakannya. Akan tetapi kalau rasuah berjuta-juta ataupun berbilion, prosesnya lambat dan mungkin silap-silap boleh dimaafkan ataupun dibebaskan. Ini saya mohon Jabatan Perdana Menteri untuk melihat rintihan rakyat berhubung dengan dakwaan berpilih ini.

Tuan Yang di-Pertua, demi *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur* juga saya ingin mengemukakan pertanyaan kepada Kementerian Kewangan, khususnya Bank Negara Malaysia. Apakah tidak boleh dikembalikan wang sebanyak RM18 juta yang telah dirampas dan dihakmilikkan oleh kerajaan daripada syarikat Platinum Lane Sdn. Berhad. Oleh sebab perkara ini telah berlalu lebih daripada 20 tahun dan tiada penuntut pihak ketiga, maka tidak bolehkah wang yang dirampas itu dikembalikan kepada tuan punya syarikat iaitu Tuan Haji Mohamad Khalid bin Mokhtar, pemilik Platinum Lane Sdn. Berhad. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan.

Kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia, sekali lagi Tuan Yang di-Pertua demi *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur*, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengapakah *AirAsia* ini sukar sangat untuk mengembalikan tiket penumpang-penumpang yang telah mereka sendiri ataupun *AirAsia* sendiri batalkan penerbangan-penerbangan ke Labuan.

Seramai 19 orang daripada Persatuan Veteran TLDM yang sepatutnya mengadakan mesyuarat perwakilan di Labuan, penerbangannya telah dibatalkan. Maka, sebab itu kita telah batalkan program mesyuarat perwakilan di Labuan dan menuntut supaya *AirAsia* mengembalikan tambang 19 orang ini secepat mungkin, oleh sebab ia merupakan wang persatuan Tuan Yang di-Pertua bukan wang individu.

Walaupun ditawarkan untuk penerbangan pada tarikh-tarikh yang lain, kita anggap ia tidak memenuhi kehendak persatuan. Jika kita pergi juga, maknanya kita sudah salah gunakan tiket penerbangan yang sepatutnya ditaja oleh persatuan. Di sebalik menghadiri

mesyuarat, mungkin kita pergi untuk makan angin. Maka sebab itu, saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri Pengangkutan membantu Persatuan Veteran TLDM (PVTLDLM) mendapatkan semula tambang 19 orang yang telah terbatal pergi ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Kesihatan Malaysia. Demi *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur* juga, saya ingin mendapat penjelasan apakah tindakan kementerian terhadap Dr. Chong Yip Boon, pakar di KPJ Damansara yang telah menyebabkan kematian Madam Sie Swie Yin, isteri kepada Komander Dr. Tan Khai Poh TLDM (Bersara). Ini telah berlaku lebih kurang enam tahun lalu dan punca sakit Madam Sie Swie Yin ini adalah sakit pinggul sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Sebagaimana didakwa oleh suami beliau, atas kelalaian dan kesilapan Dr. Chong Yip Boon ini maka telah menyebabkan kematian isteri Komander Dr. Tan Khai Poh. Difahamkan juga dalam masa tiga hari, beberapa jenis ubat telah diperkenalkan, telah diberi kepada mendiang. Maka sebab itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia supaya Komander Dr. Tan Khai Poh ini diberi sedikit pembelaan.

Kepada Kementerian Kesihatan juga, saya ingin bertanya bilakah Hospital Seri Manjung ataupun bangunan tambahan Hospital Seri Manjung boleh disiapkan oleh sebab ia telah tergendala ataupun berlaku kelewatan. Mengapa proses ataupun pembinaan bangunan tambahan tersebut masih belum dimulakan sedangkan tendernya telah selesai, telah ditutup dan sepatutnya ia boleh dimulakan. Oleh sebab keadaan kesesakan hospital, amat memerlukan bangunan baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Dalam Negeri demi *baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur* juga, saya ingin memohon kementerian supaya melihat keadaan Kwarters IPD Sungai Besar dan juga Sabak Bernam yang saya lihat tidak memberi kesejahteraan kepada warga PDRM. Maka sebab itu, saya ingin merayu dan memohon kepada kementerian mengambil tindakan sepatutnya, khususnya apabila membentangkan Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti. Jangan ditinggalkan keperluan-keperluan Kwarters IPD Sungai Besar dan juga Sabak Bernam sebagaimana telah dilakukan kerja-kerja peningkatan di Kwarters IPD Tanjung Karang.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Majlis Keselamatan Negara saya mendapat aduan bahawa projek Jeti di Pulau Jarak telah lama terbengkalai. Ini perlu dilihat oleh sebab ia perlu digunakan oleh warga tentera memberi bekalan ataupun menghantar ulang bekal kepada warga-warga tentera yang bertugas di pulau tersebut. Kelewatan ini telah mendukacitakan oleh sebab difahamkan bahawa projek tersebut dianugerahkan kepada Chengaljati Sdn. Berhad, dan terbukti ketidakupayaan syarikat ini untuk melengkapkan ataupun menyelesaikan urusan projek.

Jika kerajaan boleh mendengar sokongan saya, kita tawarkan kepada Petrogas Sdn. Berhad, merupakan kontraktor tempatan yang telah menyelesaikan beberapa projek di atas

Pulau Jarak. Tentunya dengan cara ini dapat membantu kerajaan menjimatkan kewangan dan juga masa.

■1600

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bekas pegawai Angkatan Tentera Malaysia tentunya saya banyak perkara-perkara yang ingin saya bangkitkan kepada Kementerian Pertahanan. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertahanan, demi *baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur* juga saya ingin Kementerian Pertahanan wujudkan penempatan tentera di Pulau Pisang. Pulau Pisang Tuan Yang di-Pertua, merupakan pulau yang di atasnya ada rumah api disenggara oleh warga Singapura. Maka sebab itu kita tidak tahu apa yang berlaku di sekeliling kawasan rumah api yang di pagar tanpa meletakkan warga kita berdampingan dengan aktiviti yang dilakukan oleh warga Singapura dalam urusan menyenggara Rumah Api Pulau Pisang di Pulau Pisang. Maka sebab itu saya ingin cadangkan supaya kerajaan ataupun Kementerian Pertahanan mengadakan penempatan tentera di pulau tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dilaung-laungkan oleh veteran supaya kerajaan dapat menyelaraskan kadar pencen tahunan mereka. Ini dibangkitkan oleh sebab veteran ataupun pesara-pesara warga angkatan tentera tidak sama dengan warga pesara penjawat awam. Penjawat awam bersara pada umur 55 tahun ataupun sekarang ini 60 tahun tetapi warga tentera ada yang bersara selepas berkhidmat 21 tahun. Ada yang berhenti selepas berkhidmat 12 tahun, 15 tahun dan 18 tahun tetapi yang bersara selepas umur 21 tahun perbezaan pencen mereka begitu ketara Tuan Yang di-Pertua.

Maka sebab itu kita mohon supaya kerajaan melihat semula pelarasan pencen ini. Jika perkiraannya susah, saya ingin cadangkan kita buat satu pangkat satu pencen dan satu kadar pencen dan dilihat semula setiap 10 tahun. Mungkin kaedah itu lebih mudah tetapi sedikit membebankan kerajaan.

Saya yakin dan percaya atas dasar *baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur insya-Allah* kita akan dapat bantuan Allah dan rezeki kita bertambah, tidak ada masalah untuk kita menampung pencen pesara-pesara tentera yang perbezaannya begitu ketara. Veteran juga menghargai pemberian elaun kenangan pingat Jasa Malaysia Tuan Yang di-Pertua yang telah dikurniakan lebih kepada 70 ribu yang berkelayakan pada tahun ini tetapi masih ada lagi lebih kurang 60 ribu orang yang belum dibayar. Saya harap kerajaan dapat meluluskan peruntukan tambahan untuk diselesaikan ataupun dilangsaikan bayaran kepada 60 ribu warga tentera yang layak menerima pingat Jasa Malaysia sebanyak RM500 untuk tahun 2020.

Begitu juga dengan cadangan untuk memberi elaun bulanan PJM yang telah diuar-uarkan oleh kerajaan baru-baru ini antara RM300 ke RM350 sebulan, ini amat dialu-alukan oleh veteran dan diharap ia dapat direalisasikan secepat mungkin. Sekurang-kurangnya pada peruntukan tahun 2021 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua cadangan Persatuan Veteran TLDM membantu mengurus pembinaan *littoral combat ship* (LCS) supaya diterima oleh kerajaan mengikut jadual atau lebih awal daripada 31 bulan kelewatan yang dilaporkan. Oleh sebab enam buah LCS yang sedang dibina oleh Boustead Naval Shipyard Sdn. Berhad telah melewati tarikh siapnya yang kerajaan telah membayar RM6 bilion Tuan Yang di-Pertua. Harga kontrak RM9.128 bilion, telah bayar RM6 bilion tetapi sebuah pun belum lagi kelihatan. Maka sebab itu warga PV TLDM menawarkan kepakaran untuk membantu kerajaan menguasai pembinaan enam buah LCS yang sedang dibina sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Kepada Kementerian Pertahanan juga, demi kemakmuran, kesejahteraan veteran saya ingin mendapat maklumat tentang status tanah seluas 200 ekar, kegunaan Kementerian Pertahanan di Sungkai Tuan Yang di-Pertua yang telah di ceroboh mungkin bertahun-tahun lalu. Oleh sebab kita lihat pokok sawit yang ditanam telah begitu tinggi, itu sepatutnya digunakan oleh Angkatan Tentera Malaysia. Jadi veteran mencadangkan...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tunggu sekejap ya...

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Yang di-Pertua kita hendak masuk.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Baik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu sekejap ya. Jadi saya cukup suka dengar hari ini punya perbincangan, hujah-hujah yang terbaik nampaknya. Bersemangat. Bak kata orang tua-tua tadi iaitu dia kata tadi:

*Bendera dikibar gilang-gemilang;
Angin bertiup sepoi bahasa;
Perlembagaan Persekutuan diangkat dijulung;
Dewan Negara dimartabat dan diperkasa... [Tepuk]*

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, tunggu sekejap ya, Tuan Yang di-Pertua hendak masuk dalam ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sila teruskan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan dengan konsep *baldatun thayyibatun wa rabbun ghafur* Tuan Yang di-Pertua. Ini berhubung dengan tanah 200 ekar kepunyaan Kementerian Pertahanan

di Sungkai yang saya lihat telah di ceroboh bertahun-tahun dan tidak memberi manfaat kepada kementerian ataupun kepada veteran.

Oleh yang demikian saya ingin memohon kementerian memberi status tanah tersebut. Jika betul kerajaan atau Kementerian Pertahanan tidak bertujuan membangunkan tanah tersebut saya ingin mencadangkan supaya ia ditawarkan kepada veteran-veteran untuk mengusahakannya sama ada melalui persatuan ataupun melalui Yayasan Veteran.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin bangkitkan kepada Kementerian Pertahanan, oleh sebab kita lihat kekeliruan berlaku oleh rakyat melihat begitu ramai jeneral-jeneral di Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Jabatan RELA dan sebagainya. Oleh sebab *insignia* ataupun lambang pangkat angkatan tentera itu telah digunakan oleh mereka. Oleh yang demikian saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pertahanan apakah tindakan ataupun pandangan ataupun usul yang boleh dibangkitkan oleh Kementerian Pertahanan supaya kekeliruan-kekeliruan yang berlaku ini dapat dikurangkan.

Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, lambang pangkat angkatan tentera dan juga polis ini begitu juga dengan Angkatan Penguat kuasa Maritim Malaysia (APMM) dihadkan kepada tiga perkhidmatan ini dan perkhidmatan yang lain sekiranya ingin menggunakan ala pangkat mereka boleh cipta sendiri lambang-lambang yang tidak mengelirukan rakyat. Oleh sebab pangkat-pangkat yang dipakai setakat ini memang mengelirukan.

Oleh sebab angkatan tentera untuk mendapat empat bintang mengambil masa lebih 25 tahun, 30 tahun dan perlu menjalani berbagai-bagai latihan dan juga ujian maka sebab itu saya begitu sensitif dengan kaedah pembahagian pangkat ini. Saya harap kerajaan akan melihat semula dan diharap dapat membetulkan keadaan dan kita hadkan kepada angkatan-angkatan tentera yang beruniform sebenar-benarnya untuk memakai pangkat tersebut.

■1610

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada kerajaan supaya mewujudkan konsep '*baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*', yang saya yakin dan percaya konsep ini boleh diguna sampai hari kiamat. Wawasan 2020 setakat tahun 2020 kita gagal. WKB 2030 saya bimbang dan khuatir, juga gagal. Maka, oleh sebab itu, gunakanlah- *baldatun tayyibatun wa rabbun ghafur*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili.

4.10 ptg.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Titah Diraja Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Perasmian Majlis Parlimen pada 18 Mei yang lalu.

Banyak perkara yang telah disentuh di dalam titah tersebut dan saya dalam perbahasan ini akan cuba untuk membahaskan beberapa isu yang kita fikir penting untuk kepentingan negara kita, mahupun juga untuk kepentingan golongan-golongan tertentu di dalam masyarakat kita. Akan tetapi, terlebih dahulu saya merakamkan Tuan Yang di-Pertua, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta tahniah kepada semua *frontliners* kita di atas khidmat cemerlang mereka ketika negara kita sedang dilanda oleh pandemik COVID-19 sejak awal tahun ini. Hingga pada hari ini, kita katakan bahawa negara kita adalah negara yang berjaya mengawal penularan COVID-19 ini dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan Titah Tuanku, beberapa perkara yang kita rasa perlu dikupas akan saya sentuhkan di dalam perbahasan ini. Pertamanya ialah isu pertanian. Kita tahu bahawa pandemik COVID-19 telah meletakkan tumpuan kita kepada tindakan segera dan pelan tindakan jangka panjang untuk keselamatan negara kita.

Walaupun Malaysia secara amnya berada di tangga ke-40 daripada 113 buah negara dari segi *Global Food Security Index* pada tahun 2018 tetapi masih banyak perkara yang perlu ditangani dengan segera mengikut pelan tindakan yang tersusun. Pada hari ini, kita mengimport antara 30 ke 40 peratus beras terutamanya dari negara Vietnam, India dan Thailand.

Pada masa yang sama, hampir 100 peratus bahan mentah seperti makanan kacang soya, makanan ikan dan jagung yang diperlukan untuk menyokong industri ternakan ikan kita.

Justeru, kita melihat statistik kerajaan menunjukkan bahawa jumlah import makanan negara kita telah meningkat daripada 30 bilion dalam tahun 2010 kepada 50 bilion dalam tahun 2018. Tindakan segera, pelan tindakan pertengahan dan jangka panjang harus diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah ini dengan meningkatkan hasil pertanian negara. Kerajaan telah menggubal beberapa dasar agromakanan negara untuk meningkatkan hasil pertanian negara tetapi banyak ruang yang perlu diperbaiki.

Kita terlalu bergantung kepada import makanan dari negara China, India, Thailand, Indonesia dan Vietnam. Sehubungan dengan ini, saya meminta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan untuk menyatakan seperti berikut. Sejauh manakah kerajaan telah memperkasakan peranan Pertubuhan Peladang Kawasan dan memperkukuhkan koperasi pertanian? Sejauh manakah kerajaan telah mewujudkan platform khusus untuk pemain industri memberi maklum balas atau cadangan kepada kementerian? Sejauh manakah kementerian telah membuat kerjasama dengan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah tanah, infrastruktur dan logistik?;

Berapa buah negeri kah di negara kita yang telah mewujudkan zon khas pertanian untuk pengeluaran makanan negara? Sejauh manakah kementerian telah mewujudkan

bahagian khusus ataupun jawatankuasa yang terdiri daripada berbilang kementerian untuk mengendalikan urusan berkaitan pelaburan dalam bidang agromakanan?

Juga, saya meminta Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk menyatakan berapa banyak pelaburan yang diterima dalam bidang agromakanan setakat ini? Sejauh manakah kementerian dapat mengukuhkan kerjasama penyelidikan dalam bidang agromakanan bersama institusi pendidikan dalam dan luar negara untuk memantapkan industri agromakanan kita selari dengan Revolusi Industri 4.0 seperti aplikasi *internet of things*, *artificial intelligence* dan mekanisasi? Seterusnya, saya juga ingin tahu apakah kementerian telah mengukuhkan khidmat pengembangan dan peningkatan prestasi pegawai?

Dengan ini, saya meminta Yang Berhormat Pertanian dan Industri Makanan menyatakan jumlah hasil pertanian dan perikanan utama di Sarawak serta sejauh manakah Kerajaan Persekutuan menjuangi sektor pertanian dan perikanan dalam membangunkan ekonomi Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang isu pelancongan. Kita menyedari bahawa sektor pelancongan memang terjejas teruk dalam tahun 2020 ini akibat daripada pandemik COVID-19. Dalam tahun 2019, sektor pelancongan menyumbangkan sebanyak RM86.14 bilion kepada ekonomi negara kita dengan seramai 26.1 juta pelancong yang melawat negara kita. Bagaimanapun, tahun 2020 yang sepatutnya menjadi Tahun Melawat Malaysia telah ditangguhkan kepada satu masa yang lain.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengambil langkah yang proaktif. Dalam antara lainnya dengan mengusahakan media sosial menerusi *Facebook* dan *Instagram* untuk mempromosikan pelancongan di Malaysia dengan penglibatan apa yang disebutkan sebagai *social media influencers*.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah pelan pemulihan jika melalui pelan bagi memulihkan industri pelancongan semasa pandemik COVID-19 dan pasca pandemik COVID-19 untuk pelancongan domestik mahupun untuk pelancong-pelancong dari luar negara. Saya meminta Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya untuk menyatakan sejauh manakah keutamaan dan perhatian perancangan kerajaan bagi memastikan sektor pelancongan dalam negeri, seni dan budaya di Sarawak diperkukuhkan dalam kewaspadaan semua pihak dalam menentang COVID-19.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya untuk menyatakan sejauh manakah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berkolaborasi dengan kerajaan negeri untuk meningkatkan industri pelancongan dalam negara kita bukan sahaja ke destinasi-destinasi pelancongan di negeri masing-masing tetapi juga termasuk mempromosi kekayaan kita di dalam bidang kesenian dan kebudayaan yang terdapat di kalangan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum, budaya dan agama?

Saya meminta juga dan bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kementerian ini mempunyai satu perancangan untuk menubuhkan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) untuk menubuhkan sebuah kampus untuk negeri Sarawak.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh sedikit tentang isu kesihatan. Negara kita pada umumnya mempunyai penjagaan kesihatan yang agak menyeluruh, beroperasi dalam dua tingkat penjagaan iaitu satu, skop kesihatan yang dijaga di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan satu lagi ialah menerusi pihak swasta. Terbukti bahawa Kementerian Kesihatan komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat secara umumnya melalui penyampaian perkhidmatan yang komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya meminta Menteri Kesihatan untuk menyatakan beberapa perkara yang ada kaitannya dengan negeri Sarawak. Pertama, berapakah jumlah pegawai-pegawai perubatan pakar dan terlatih yang ditempatkan di seluruh fasiliti dan kemudahan kesihatan awam di seluruh daerah di negeri Sarawak? Serta sejauh manakah usaha mengurangkan nisbah doktor dibandingkan dengan bilangan pesakit dan juga keadaan geografi di negeri Sarawak yang mungkin berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia?

Apakah status terkini pembinaan Hospital Petrajaya, Kuching yang sudah pun tergendala hampir lapan tahun? Apakah kerajaan sudah melantik kontraktor yang baharu? Ini kerana difahamkan tahun lepas telah pun dipanggil tender untuk meneruskan kerja-kerja untuk menyiapkan hospital ini tetapi nampaknya kerja-kerjanya masih tergendala. Apakah status terakhir projek ini?

Saya juga ingin menyentuh tentang projek kesihatan di Sarawak ialah tentang bangunan tambahan Hospital Umum Sarawak di Kuching. Apakah pembinaannya mengikut jadual ataupun berlaku kelewatan? Bilakah bangunan tambahan ini boleh siap dan digunakan?

Difahamkan juga di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, dalam tahun 2019, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM131,925,000 untuk tujuan pembangunan 29 projek pembangunan di Sarawak. Saya meminta Menteri Kesihatan menyatakan satu persatu daripada 29 projek pembangunan ini dan apakah status projek ini pada masa ini dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini?

Saya meminta kepada Menteri Kesihatan supaya memberi pertimbangan yang istimewa untuk membina sebuah pusat kanser di Sarawak memandangkan rawatan untuk pesakit ini di Hospital Umum Sarawak adalah terhad. Kewajaran julat untuk seorang *oncologist* di Malaysia adalah 10 orang *oncologist* untuk satu juta penduduk.

Akan tetapi, di Sarawak, kita hanya ada setakat tahun 2017, ada enam orang yang mana kalau kita lihat populasi negeri Sarawak iaitu 2.4 juta, bermakna kita memerlukan 24

orang *oncologist*. Jadi, dengan saiz negeri Sarawak yang begitu luas ini, maka keperluan untuk kita mewujudkan pusat atau *center* untuk kanser adalah begitu perlu sekali dan juga menambahkan bilangan pakar untuk merawat pesakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta Menteri Kesihatan melihat tentang perancangan yang harus dibuat untuk pembinaan klinik kesihatan di kawasan Matang, Kuching memandangkan kepesatan pembangunan di kawasan ini. Tambahan lagi, sebidang tanah seluas 3.325 ekar di Matang telah diperoleh bagi pembangunan sebuah klinik kesihatan. Sekiranya klinik ini dibina, kementerian boleh menimbang semula untuk melihat sama ada kesesuaian lagi untuk Klinik K1M Matang dan K1M Malihah sama ada diteruskan ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyentuh tentang soal perpaduan nasional. Sempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-63 pada 31 Ogos yang lalu dan juga sambutan Hari Malaysia yang ke-57 yang akan kita sambut pada 16 September akan datang ini, saya mengajak rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, agama, budaya mahupun kefahaman politik supaya memastikan keharmonian kaum dan agama kekal utuh di negara kita yang tercinta ini.

Perkara ini boleh tercapai dengan semua pihak menolak sebarang bentuk ekstremisme yang boleh menjejaskan keharmonian di kalangan rakyat yang berbilang kaum, agama dan budaya. Kita perlu sepanjang masa mengekalkan semangat perpaduan dan muhibah serta patriotisme. Sebagai rakyat Malaysia, setiap dari kita mempunyai peranan masing-masing untuk menyatukan negara ini berdasarkan nilai murni yang diajar oleh semua agama dan kaum.

Saya menyambut baik keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Perikatan Nasional yang mewujudkan semula Kementerian Perpaduan Negara. Sudah tentu kita mengharapkan bahawa kementerian ini akan dapat melihat skop kewajipan di dalam meneruskan kemapanan perpaduan dan integrasi nasional dengan ramuan perpaduan, kesatupaduan dan penyatupaduan.

Sehubungan dengan ini, saya meminta Menteri Perpaduan Negara untuk menyatakan sama ada kementerian akan merangka Pelan Perpaduan Nasional dan seterusnya melaksana Pelan Tindakan Perpaduan Nasional bagi menangani cabaran-cabaran yang kita hadapi pada masa ini lebih-lebih lagi dalam era ledakan maklumat yang disebar melalui media sosial dan era kecanggihan teknologi maklumat.

Mungkin masyarakat kita pada hari ini terlalu gemar dengan sesuatu yang bercorak kuantitatif dan statistik. Oleh itu, saya meminta kementerian menerbitkan satu indeks mengenai perpaduan nasional di negara kita. Indeks perpaduan nasional. Dengan adanya indeks ini, ia boleh menjadi satu terma rujukan kepada rakyat dan rakyat boleh memberi

maklum balas kepada kerajaan atas cara mana perpaduan nasional boleh dipelihara, dipertimbangkan dan diperkukuhkan untuk generasi hari ini dan juga generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang penting yang saya hendak sentuh ialah soal pendidikan. Pendidikan adalah alat terbaik untuk kejayaan kita pada masa ini dan juga masa hadapan untuk negara kita. Bagi konteks negeri Sarawak, adalah harapan kita untuk membentuk dan membina kemampuan anak-anak kita dalam bidang akademik, kepimpinan dan juga aspek-aspek yang lain. Jadi, negeri Sarawak meletakkan kepentingan yang besar dan mahu meningkatkan kualiti pendidikan murid-murid di sekolah-sekolah di negeri Sarawak.

Dengan ini, saya minta Menteri Pendidikan menyatakan perkara-perkara seperti berikut. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negeri Sarawak?

Saya juga minta Kementerian Pendidikan supaya terus membenarkan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk anak-anak di sekolah-sekolah di Sarawak. Pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris telah dimulakan pada tahun ini, tahun 2020, yang melibatkan seramai 27,931 orang murid Tahun 1 di 1,034 buah sekolah di seluruh Sarawak.

■1630

Saya mohon supaya kalau kementerian membenarkan untuk negeri Sarawak meneruskan program pembelajaran Sains dan Matematik di dalam Bahasa Inggeris untuk tahun-tahun yang akan datang. Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyatakan, memandangkan pandemik COVID-19 masih lagi melanda negara kita. Apakah pelan kesiapsiagaan krisis ataupun *crisis preparedness plan* sebagai persiapan kita untuk menghadapi pemeriksaan umum seperti Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia pada tahun hadapan? Juga, saya meminta Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kementerian ini mengkaji kaedah pembelajaran di sekolah-sekolah sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan ataupun sebagainya berlaku pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit tentang soal pendidikan tinggi, khususnya di negeri Sarawak. Ini kerana ia begitu penting sekali. Saya telah banyak kali menyentuh di dalam Dewan yang mulia ini tentang perlunya adanya sebuah hospital pengajar atau *teaching hospital* di Universiti Malaysia Sarawak. *Alhamdulillah*, saya difahamkan bahawa projek ini telah mendapat kelulusan dari Kerajaan Persekutuan setelah 25 tahun Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS dibuka dalam tahun 1995.

Dengan ini, saya meminta Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk menyatakan, apakah jadual pembangunan untuk projek ini? Bila ia akan dimulakan? Bila ia boleh digunakan, siap? Seperti juga yang pernah saya bangkitkan di Dewan ini dalam penggulungan Kementerian Kesihatan dalam sesi yang lepas, saya mencadangkan kepada

kerajaan supaya Kementerian Pengajian Tinggi untuk menubuhkan sebuah badan penyelia pembinaan projek ini iaitu Hospital Pengajar UNIMAS supaya tidak akan ada kelewatan dan pembinaannya mengikut jadual.

Kedua, hendaklah ada satu badan untuk menilai reka bentuk luaran dan reka bentuk dalaman hospital ini. Mintalah pandangan dan komen dari hospital-hospital pengajar yang lain seperti Hospital Universiti Malaya, Pusat Perubatan UKM, Hospital Pengajar USM di Kubang Kerian mahupun Hospital Universiti Malaysia Sabah. Ini adalah untuk menambah baik perkhidmatan hospital pengajar di UNIMAS supaya bila ia siap, ia amat memuaskan hati para *end users* yang akan menggunakan hospital ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya juga hendak sentuh di sini ialah tentang soal keselamatan dalam negeri, khususnya soal pembinaan balai polis dan juga daerah polis baharu untuk kawasan Kuching. Difahamkan bahawa Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak dalam tahun 2016 pernah membuat cadangan untuk mengadakan daerah polis yang baharu iaitu daerah polis Kuching Utara. Saya meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menyatakan keputusan terkini tentang cadangan ini. Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menyatakan status terkini pembinaan balai polis baharu di Matang, Kuching setelah kerja-kerja awalan telah dijalankan ditapak pembinaan di Jalan Matang. Bila balai polis ini boleh disiapkan?

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Projek Tebatan Banjir. Saya minta Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air menyatakan apa usaha dilakukan kerajaan untuk menangani masalah banjir dan banjir kilat di Sarawak? Sejauh mana rancangan tebatan banjir dirancang bagi menangani masalah banjir di Sarawak? Saya meminta Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air untuk menyatakan status projek-projek seperti di bawah. Pertama, Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Sarawak yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Kuching, persekitaran Kuching dan juga Kota Samarahan.

Kedua ialah bagi menangani masalah banjir di Bandaraya Kuching telah ada satu pelan Rancangan Tebatan Banjir Fasa Dua. Apakah kedudukan projek ini pada masa ini? Juga apakah kedudukan masa ini kajian Pelan Induk Saliran Bandar Serian yang bagi cadangan penyelesaian masalah banjir secara komprehensif?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh tentang pembangunan sukan. Negeri Sarawak juga telah berjaya melahirkan juara-juara dan bintang-bintang sukan seperti Pandelega Renong, Bryan Nickson Lomas, Wilson Lim mereka adalah merupakan atlet Olimpik dan juga termasuklah Jaguh Bina Badan Mr. Asia selama empat kali iaitu Bujang Taha.

Bagi meneruskan legasi ini, saya meminta Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan menyatakan sejauh manakah peranan yang boleh digiat usaha oleh pejabat belia dan sukan

daerah untuk menyelaraskan program pembangunan sukan di kalangan belia di Sarawak bagi melahirkan lebih ramai atlet bertaraf kebangsaan dan antarabangsa? Saya meminta Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk menyatakan sejauh manakah perkembangan rundingan antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pendidikan untuk menubuhkan sebuah Sekolah Sukan Malaysia di Sarawak?

Saya menyentuh juga tentang perhubungan perdagangan antarabangsa. Seperti juga di negeri-negeri lain di Malaysia, Sarawak juga memerlukan pelaburan luar negara. Oleh yang demikian, saya meminta Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah diterima oleh negeri Sarawak setakat Julai 2020 mengikut negara dan sektor yang telah mendapat pelaburan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh kepada soal isu Program Bandar Selamat. Program Bandar Selamat dilaksanakan dengan fokus utama untuk mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selamat dan mengurangkan kadar jenayah di seluruh negara. Saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya Program Bandar Selamat diteruskan supaya kesejahteraan dan keselamatan rakyat akan terus dijaga dan dipelihara. Dalam konteks negeri Sarawak, saya meminta Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dari tahun 2017 hingga tahun 2019, berapakah peruntukan yang telah disalurkan kepada pihak berkuasa tempatan di Sarawak di bawah Program Bandar Selamat atas perkara-perkara seperti berikut? Apakah yang telah dilaksanakan ke atas peruntukan ini?

- (i) unit pencahayaan;
- (ii) laluan pejalan kaki dan rel pengadang;
- (iii) tempat letak motosikal berkunci;
- (iv) papan tanda keselamatan;
- (v) cermin keselamatan dan televisyen litar tertutup (CCTV)

Tuan Yang di-Pertua, konsep Bandar Selamat, dan sehaluan dengan kemajuan teknologi di era digital ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyatakan adakah kerajaan mempunyai cadangan untuk mewajibkan semua pemaju projek perumahan dan komersial pada masa akan datang untuk memasang televisyen litar tertutup sebagai syarat wajib untuk komponen projek?

Tuan Yang di-Pertua, Akademi Bomba dan Penyelamat adalah satu subjek yang saya sering kali bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya difahamkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berpandangan bahawa perancangan untuk membina sebuah Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak perlu diteruskan. Ini seperti yang mereka pernah beri jawapan kepada saya pada September 2018. Ini adalah kerana pengoperasian Akademi Bomba dan Penyelamat secara sementara di Balai Bomba dan Penyelamat Bau pada masa ini dilaksanakan pada tahap yang asas kerana kemudahan

latihan yang sedia ada tidak mempunyai keperluan sebenar, menyebabkan sebahagian dari latihan praktikal perlu dilaksanakan di luar kawasan.

■1640

Dengan ini saya meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memohon semula projek Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Sarawak sekali lagi sama ada di bawah *Rolling Plan* Kelima Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu tahun 2020 setelah permohonan ini tidak diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan juga Rancangan Malaysia Kesebelas.

Saya meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyatakan, apakah perancangan kementerian ini dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk memperkasakan Unit Bomba dan Penyelamat Udara di negeri Sarawak dengan menambahkan bilangan keanggotaan dan juga peralatan termasuk membina sebuah pangkalan udara yang tetap. Ini penting kerana pangkalan yang ada di negeri ini, sekarang ini memberi khidmat bukan sahaja untuk negeri Sarawak tetapi juga untuk Sabah dan juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang saya sering sentuh juga ialah soal pertahanan. Saya difahamkan bahawa Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) ada membuat perancangan untuk membina bangunan operasi Markas Wilayah Laut 4 di Bintulu, Sarawak. Saya meminta Menteri Pertahanan untuk menyatakan, apakah status perancangan pada hari ini.

Juga saya meminta Menteri Pertahanan untuk menyatakan, apakah perancangan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Darat Malaysia untuk menambahkan bilangan pos-pos kawalan sempadan di Sarawak pada masa ini dan juga untuk masa akan datang, memandangkan negara jiran kita iaitu Indonesia mempunyai rancangan untuk memindahkan ibu negaranya dari Jakarta ke Kalimantan selari dengan keadaan geografi kawasan sempadan Malaysia-Kalimantan yang begitu luas.

Saya difahamkan bahawa Angkatan Tentera Darat Malaysia ada perancangan untuk menubuhkan apa yang disebutkan sebagai Markas Briged 31 Infantri Malaysia dan Batalion 7 Rejimen Sempadan dan kem tentera untuk ditempatkan di Bintulu seperti yang mana yang pernah diumumkan oleh Menteri dalam tahun 2017. Apakah status projek ini?

Tuan Yang di-Pertua, jarak Beting Patinggi Ali daripada Miri, Sarawak adalah sekitar 100 batu nautika dan manakala dari Bintulu adalah 80 batu nautika. Beting Patinggi Ali kadang-kadang telah dicerobohi oleh kapal China, *China Coast Guard* yang mengiringi kapal-kapal nelayan mereka. Saya meminta Menteri Pertahanan untuk menyatakan, sejauh manakah kerjasama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) di dalam melindungi Beting Patinggi Ali yang sering dicerobohi oleh kapal-kapal asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menghadapi Perintah Kawalan Pergerakan, kita melihat peranan yang dimainkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah memainkan peranan yang besar semasa Perintah Kawalan Pergerakan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan di dalam memastikan bahawa bekalan makanan dan lain-lain keperluan pengguna mencukupi supaya boleh diperolehi oleh seluruh pelosok negara.

Begitu juga dengan mereka yang telah memainkan peranan yang aktif di dalam memastikan tidak ada kenaikan harga barangan pengguna yang dinaikkan tanpa kawalan. Sehubungan dengan ini, saya meminta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menyatakan, apakah kementerian ini mempunyai rancangan untuk mewujudkan satu jawatankuasa di peringkat tempatan untuk mewujudkan jaringan di antara kementerian, masyarakat peniaga dan juga pemimpin-pemimpin dan penggiat-penggiat masyarakat tempatan. Kempen Membeli Barangan Malaysia sudah dibuat 35 tahun yang lalu. Apakah rancangan kementerian untuk menjadikan Kempen Membeli Barangan Malaysia akan menjadi sesuatu yang lebih berjaya?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak menyentuh satu isu yang berkaitan dengan hal ehwal Sarawak iaitu saya menyambut baik keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin untuk mewujudkan jawatan Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal Sarawak.

Saya yakin portfolio ini akan boleh melihat hal ehwal Sabah dan Sarawak diurus dengan baik, selari dengan Perjanjian Malaysia 1963 atau *Malaysia Agreement 1963* (MA63) bagi memastikan apa yang dibincangkan sebelum ini dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, dengan segala hak Sabah dan Sarawak yang telah terhakis dikembalikan sejajar dengan kehendak Perlembagaan dan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, bersempena dengan kita menyambut Hari Malaysia yang akan kita sambut pada 16 September yang akan datang ini, sama-sama kita mengingatkan sama ada kita di Sarawak, Sabah, mahupun kita di Semenanjung Malaysia, dengan kata-kata semangat keramat yang pernah dilafazkan oleh seorang pemimpin yang begitu penting di dalam menyokong penubuhan Malaysia iaitu tidak lain dan tidak bukan, kita sebut sebagai Apai Jugah ataupun Tun Jugah anak Barieng.

Kata-kata ini cukup untuk mengingatkan kita kepada generasi yang dulu mahupun generasi sekarang dan yang akan datang, tentang apakah implikasi kepada negara kita kalau kita tidak melihat kepentingan Sarawak dengan sebaik-baiknya di dalam negara Malaysia ini. Apai Jugah menyatakan, "*Anang Malaysia baka tebu, manis dipun tabar di hujung tawar*" ataupun kata lain, "*Jangan Malaysia seperti tebu, manis di pangkal tawar di hujung*". Kata-kata ini harus kita semat di dalam jiwa sanubari kita, supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang aman, damai dan kekal selama-lamanya. Sesuatu yang cukup signifikan untuk kita

melihat dalam konteks Sarawak sebagai rakan kongsi pembentukan Malaysia dalam tahun 1963.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan soal Sarawak ini bukanlah ertinya saya hendak- begitu bercakap soal terlalu kenegerian. Tidak. Ini adalah sejajar dengan Titah Tuanku juga yang menyatakan bahawa pembangunan di Sarawak dan Sabah harus dipertingkatkan bagi kita melihat bahawa adanya kesamaan di dalam pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong...

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Ya, saya menggulung Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Belum. Saya hendak tegur sedikit. Tolong sebut balik kata-kata hikmat Apai tadi.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Apai Jugah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, mahu saya...?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebut balik.

Dato' Zaiedi bin Haji Suhaili: Ya, okey. Dalam bahasa Iban, Apai Jugah menyatakan, "*Anang Malaysia baka tebu, manis dipun tabar di hujung*". Ertinya, "*Jangan Malaysia seperti tebu, manis di pangkal, tawar di hujung*".

Jadi akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyatakan segala hasrat hati. Biarlah saya menggulungnya dengan serangkap pantun.

*Nyiur gading puncak mahligai;
Dalam ketupat berisi inti;
Hasrat hati sudah disampai;
Belum dapat, belum ku berhenti.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya ingin membawa perhatian untuk menghormati Peraturan Mesyuarat 34(6) iaitu Ahli Yang Berhormat tidak harus membaca ucapan 100 peratus. Cuba memandang kepada anggota dan rakan-rakan dalam Dewan walaupun sedikit tinggal... *[Ketawa]* Ini agar kita melatih diri kita berucap tanpa teks 100 peratus. Jadi, oleh sebab hal ini disebut dalam *standing order* ataupun Peraturan Mesyuarat 34(6), saya bawa kepada perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

■1650

Kita ada tiga orang lagi hari ini dalam senarai. Jadi, kalau boleh, kita cerakinkan tempoh selama 40 minit ini sebaik mungkin. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Silakan.

4.50 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas izin, untuk saya ikut mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terlebih dahulu, saya ingin menjunjung kasih Titah Diraja sempena pembukaan Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas baru-baru ini. Setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara di atas pemilihan pagi ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, izinkan saya memulakan ucapan ini dengan merakamkan penghargaan kepada barisan hadapan negara dalam menghadapi ancaman COVID-19 terutamanya perkhidmatan kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen Malaysia, pengurusan bencana, Angkatan Pertahanan Awam, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan rakyat am ke atas risiko dan pengorbanan mereka. Jasa dan penat lelah mereka akan tetap kami sanjung. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi yang mencabar adalah satu isu yang saya akan sentuh. Kini, keadaan ekonomi negara semakin mencabar. Golongan B40 semakin bertambah. Justeru, garis yang menentukan kemiskinan harus disemak kembali dan jurang ekonomi antara yang miskin dan kaya harus dirapatkan tanpa mengira kaum selaras dengan agenda Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang mana diharapkan dapat merapatkan jurang ekonomi ini serta golongan petani, pesawah dan penduduk miskin bandar dan luar bandar pula mendapat manfaat sepenuhnya.

Beberapa sasaran ekonomi golongan miskin perlu dinilai semula dan segera dilaksanakan perancangannya untuk mengeratkan ekonomi berdasarkan satu dasar tanpa dipengaruhi mesej-mesej politik kosong yang tidak memberi faedah kepada rakyat dan negara.

COVID-19 telah menjejaskan PKS atau *small and medium enterprises* (SME) secara amnya. Pekerja diberhentikan, industri kecil gulung tikar dan pekerja persendirian hilang punca pendapatan. Pakej rangsangan masih tidak mencukupi untuk memulihkan keadaan ini dan ini sangat mendukacitakan. Saya tidak bermaksud untuk meremehkan kakitangan kerajaan yang menerima bantuan dalam suasana ini kerana mereka juga banyak berjasa kepada negara. Akan tetapi, saya rasa ia lebih bermakna jika bantuan yang telah diberikan kepada mereka dapat disalurkan kepada golongan yang benar-benar terjejas, mereka yang tidak berpendapatan tetap dan telah kehilangan pekerjaan serta PKS untuk merangsang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin sentuh ialah perpaduan kaum. Setelah lebih enam dekad kemerdekaan, negara masih tidak dapat menikmati perpaduan kaum yang sejati disebabkan terdapat politikus yang masih menggunakan isu kaum dan

agama untuk memancing undi. Gejala ini amat berbahaya kepada keamanan negara. Apa yang berlaku di Amerika Syarikat baru-baru ini harus dijadikan iktibar kepada kita bahawa, jika berlaku rusuhan kaum akan tiada satu kaum pun akan meraih keuntungan. Ekonomi negara akan merudum dan ini akan menjejaskan pelaburan. Justeru, bilangan rakyat yang kehilangan pekerjaan akan semakin bertambah.

Sudah sampai masanya, kerajaan mewujudkan satu akta, "*Race Relation Act*" atau "*Race Harmony Act*" untuk mengelakkan ahli politik dan rakyat secara am daripada mengeksploitasi isu kaum dan agama untuk mencari pengaruh politik supaya perbalahan kaum dapat dihindari.

Sekolah menjadi teras kepada perpaduan, penyatuan bangsa. Kerajaan harus memperkasakan sekolah kebangsaan untuk menarik semua kaum di sekolah ini. Bahasa Melayu tetap dijadikan teras penyatuan bangsa tetapi jangan pula pelajar mengabaikan kepentingan bahasa-bahasa lain termasuk bahasa Inggeris dan bahasa ibunda mereka. Sekolah kebangsaan harus menyediakan peluang pembelajaran bahasa ibunda dan juga memastikan program DLP atau Program Dwibahasa untuk subjek STEM diperkenalkan di semua sekolah kebangsaan supaya pelajar semua kaum akan menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama mereka.

Sebagai langkah untuk maju ke depan dan mencapai perpaduan kaum di negara ini, kualiti itu penting untuk mencorakkan kepimpinan. Apabila terserlah ciri-ciri kepimpinan yang luhur pada seseorang maka keturunan, jantina dan kepercayaan rakyat negara ini tidak boleh menjadi faktor lagi. Baik lelaki mahupun perempuan, mereka harus diberikan peluang yang sama untuk mencapai yang terbaik untuk negara.

Menjadi impian generasi milenium baharu untuk mencapai tahap pencapaian tertinggi dalam kepimpinan malah dalam apa jua usaha untuk memberi manfaat kepada negara dan penyatuan kaum. Sifat kepimpinan dan pengurusan yang jati tidak harus bergantung kepada keturunan, jantina atau agama apa yang kita ikuti, asalkan mereka adalah warganegara sejati yang sanggup berkorban dan berjasa kepada negara yang ikhlas dan jujur.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah gejala sosial. Umumnya negara masih berdepan cabaran yang melanda anak remaja. Gejala dan penyakit sosial seperti lumba motosikal haram, basikal lajak, kehamilan luar nikah, penyalahgunaan dadah dan perbuatan yang melanggar tatasusila budaya timur kita masih menular dalam kalangan mereka. Gilaplah potensi remaja untuk menangani gejala sosial ini.

Semua pihak perlu serius dan fokus terhadap hal perancangan kehidupan dan pembangunan generasi muda hari ini. Sehingga ke hari ini, usaha memandu generasi muda ke hadapan dengan cara meningkatkan kebolehan dan daya fikiran mereka dalam menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan masih belum mencapai tahap terbaik seiring kemajuan negara.

Seterusnya, fokus kepada pertanian. Negara setakat ini bernasib baik kerana krisis COVID-19 tidak menyebabkan kekurangan makanan yang teruk. Walaupun pada peringkat awal terdapat laporan mengenai pembelian panik setelah PKP diumumkan. Ramai orang mungkin telah kehilangan pekerjaan tetapi tidak ramai kelaparan. Namun, kerana risiko dijangkiti COVID-19 masih ada sehingga vaksin dijumpai dan kerana tidak ada sesiapa yang dapat meramalkan kapan hidup kembali normal, adalah bijaksana bagi kerajaan untuk memberi perhatian serius terhadap keselamatan makanan.

Atas sebab ini, kerajaan tidak boleh mengabaikan kepentingan sektor pertanian tempatan dan kebajikan petani dan pengeluar makanan negara. Harus diteruskan bantuan untuk petani dan nelayan dalam bentuk input pertanian untuk meningkatkan produksi dalam negeri. Penyimpanan- *food storage*, dan pengedaran makanan harus ditingkatkan untuk memastikan bekalan makanan mencukupi dan harga pula dikawal.

■1700

Seterusnya adalah isu alam sekitar. Alam sekitar adalah sumber keperluan hidup kita. Misalnya, sungai amat penting untuk kehidupan kita seharian kerana sumber air adalah daripada sungai. Jika sungai tercemar akibat sisa buangan kilang dan sebagainya, tentulah kita sukar untuk mendapatkan air yang bersih. Lautan pula boleh tercemar akibat pelbagai punca seperti tumpahan minyak dan dermaga minyak atau kapal tangki di lautan. Hal ini akan menjejaskan kehidupan lautan yang menjadi sumber makanan kita.

Justeru, kerajaan serta semua pihak haruslah sedar dan mengambil berat akan pemuliharaan sungai dan lautan yang menjadi sumber air dan makanan penduduk. Di samping itu, alam sekitar yang bersih dan terpelihara akan menjadi daya tarikan para pelancong. Kedatangan para pelancong akan menjadi sumber ekonomi negara dan ia akan memajukan sektor-sektor perniagaan. Hotel, syarikat pelancongan, para perniagaan dan gedung perniagaan tentunya akan mendapat keuntungan dengan kedatangan para pelancong yang berbelanja di negara kita. Oleh sebab itu, kerajaan harus menjaga alam sekitar untuk menarik kedatangan para pelancong lantas memajukan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah saya ingin sentuh sedikit tentang Kabinet yang besar. Portfolio Menteri dalam kerajaan sekarang terdiri daripada 31 orang Menteri dan 38 orang Timbalan Menteri. Ada yang dilantik sebagai Menteri Kanan sementara yang lain diberi jawatan utusan khas dengan status Menteri untuk menjaga hubungan dengan negara-negara tertentu seperti Timur Tengah dan China. Jumlah ini agak besar untuk sebuah negara yang berpenduduk sekitar 32 juta orang.

Lagipun, ini sudah tentu memerlukan lebih banyak wang, lebih-lebih lagi ketika pandemik COVID-19 sekarang. Dalam masa yang sukar ini ramai rakyat dihentikan kerja dan ada yang dibiarkan tanpa pendapatan. Perniagaan dan industri juga menghadapi masalah. Justeru, kerajaan tidak akan mengumpulkan banyak cukai. Bukankah dalam keadaan

sebegini kerajaan harus mengurangkan anggota Kabinet dan perbelanjaan agar negara tidak mengalami defisit yang tinggi.

Berkenaan dengan isu pelantikan pengurusan GLCs, ramai ahli politik dilantik di dalam GLC akan memberi kesan buruk terhadap ketulusan dan prinsipil pelabur terhadap ketulusan dan integriti dalam takbir urus korporat. Ia akan menjadikan negara ini kurang menarik dari sudut pelaburan terutamanya dari pelabur-pelabur asing. Pelabur-pelabur akan melihat komposisi lembaga sebelum melabur dalam syarikat-syarikat untuk memastikan kepentingan mereka dilindungi dan lembaga akan bertindak demi kepentingan pemegang saham seberapa kecil mereka mungkin.

Di samping itu, adalah wajar pelantikan-pelantikan untuk mengurus GLCs ini pula diketuai golongan profesional dan bukan ahli politik yang tidak berkemahiran khusus. Pelantikan dalam badan agensi kerajaan dan syarikat milik berkaitan kerajaan haruslah daripada kalangan mereka yang mempunyai kredibiliti dan berwibawa dalam kita meningkatkan...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hendak tanya sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *Let me finish this.*

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mohon pencelahan.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit Yang Berhormat Senator. Boleh bagi contoh siapa di kalangan bukan profesional yang menerajui GLC di negara kita? Boleh bagi contoh?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya. Saya akan bagi senarai-senarai tersebut tetapi biar saya habiskan ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah, tadi saya buat teguran kalau Yang Berhormat boleh berucap tanpa teks banyak, maka idea tu muncul. Akan tetapi, kalau terus baca teks kita, bukan sahaja bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 34(6), kita tidak berkembang. Jadi, soalan itu tadi sangat relevan, senang sahaja kita jawab siapa yang...

Datuk Razali bin Idris: Ya, kita hendak kena tahu Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh- ini Dewan yang mulia, dia tidak boleh nak tuduh rambang.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ada, ada ramai.

Datuk Razali bin Idris: Saya hendak contohlah.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ada ramai profesional bumiputera dan bukan bumiputera di pasaran yang mempunyai kelayakan amat tinggi untuk menguruskan GLCs ini.

Seterusnya adalah saya akan sentuh tentang amalan rasuah. Satu soal selidik yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati sebanyak 82

peratus responden berpendapat isu rasuah dan salah guna kuasa di negara berada pada tahap membimbangkan.

Diharapkan menerusi Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023, usaha mengekang budaya rasuah akan diperhebat dengan matlamat supaya Malaysia dikenali sebagai negara berintegriti dan bukan sebagai negara rasuah. Kerajaan juga perlu memperkukuhkan kewibawaan institusi kehakiman bagi mencerminkan kerajaan yang berruasiah dan berintegriti tinggi.

Berkaitan dengan jajaran ECRL. Jajaran ECRL dimeterai semula oleh Kerajaan Pakatan Harapan harus dikekalkan. Ini kerana dengan langkah ini kerajaan dapat menjimatkan hampir RM21 bilion. Lagipun, jajaran ini melalui beberapa lokasi di Negeri Sembilan dan ini akan membawa kepada pembangunan negara yang lebih holistik khususnya di Negeri Sembilan ialah sebuah negeri yang penuh dengan istiadat tradisi yang boleh menarik pelancong. Saya merayu kepada kerajaan hari ini untuk mengekalkan landasan yang dicadangkan oleh kerajaan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat sedar kerajaan negeri Selangor telah diberitakan untuk setuju dengan pelan awal yakni tidak bertukar. Adakah Yang Berhormat dengar?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, saya sedar tetapi saya juga memohon kerajaan ini jangan pindahkan Nilai ke Jelebu itu.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *Keep that, you know.*

Tuan Yang di-Pertua: Bagi saya itu cerita baik *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, memang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, seterusnya ialah Akta Anti Lompat Parti. Wakil rakyat dipilih oleh rakyat, maka adalah tanggungjawab mereka untuk memenuhi harapan rakyat bukan untuk kepentingan peribadi. Mereka tidak harus dijadikan komoditi jual beli.

Langkah lompat parti harus dibendung. Maka, harus diadakan satu kata yang boleh menghalang wakil rakyat yang dipilih rakyat melompat parti dengan sewenang-wenangnya. Hanya dengan akta sebegini akan menjurus kepada kestabilan politik negara. Sudah sampai masanya untuk meminda Perlembagaan menjadikan melompat parti tidak sah. Langkah ini penting untuk kestabilan politik negara dan meyakinkan pelabur.

Wakil rakyat yang dipilih setelah diberi watak oleh sebuah parti untuk bertanding tidak harus berselindung di bawah Artikel 10(1)(c). Mereka berhak untuk menubuhkan atau menyertai persatuan atau parti baharu tetapi harus kosongkan kerusi terlebih dahulu. Ini kerana kerusi yang dimenangi itu atas watak yang diberikan oleh parti asal kecuali mereka

yang bertanding atas tiket bebas. Mereka yang lompat parti telah pecah amanah rakyat yang mengundi mereka dan dianggap sebagai kurang bermoral dari segi politik.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Sekian dan terima kasih. Oleh itu saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Mengejut sahaja akhirnya, tidak ada penyimpulannya. Akan tetapi tidak mengapalah. Akan tetapi tolong ingat apa yang saya buat teguran tadi bukan sahaja pada Yang Berhormat tetapi kepada rakan-rakan lain agar menggalakkan nilai berdebat. Kita jangan terlampau banyak membaca dari ucapan. Ini dia punya seni dalam badan seperti Dewan. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

Dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

■1710

Datuk Theodore Douglas Lind: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dengar.

Datuk Theodore Douglas Lind: Maaf Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah kerana dipilih oleh Dewan yang mulia ini pada pagi tadi sebagai Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan terima kasih kerana diberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja. Seperti beberapa Ahli Yang Berhormat Senator sebelum ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan seterusnya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah pada kerajaan dan khususnya kepada semua mereka di barisan hadapan yang terlibat dalam mengatasi masalah wabak penyakit COVID-19 ini. Khususnya, saya ingin tujukan pada pegawai-pegawai, doktor-doktor dan pakar-pakar perubatan dan semua anggota yang di barisan hadapan kerana dapat mengawal wabak penyakit COVID-19 ini dengan begitu baik dan cemerlang.

Saya sangat berbangga Tuan Yang di-Pertua atas pencapaian negara kita dapat mengawal wabak ini tidak merebak ke seluruh negara kita. Jika kita membandingkan dengan negara-negara lebih maju dan besar seperti United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid yang telah mencadangkan bahawa negara memberikan atau dikurniakan bintang-bintang atau medal kepada mereka di barisan hadapan ini sebagai satu tanda penghargaan atas pengorbanan mereka dan juga kerana mereka ini sanggup mengorbankan jiwa mereka untuk melindungi negara dan rakyat jelata di negara kita ini.

Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa kita dapat mencapai kejayaan dalam hal ini kerana rakyat jelata, tidak kira bangsa atau agama bersatu dan berdisiplin dan ikut atur atau patuhi semua arahan kerajaan dan pihak berkuasa dengan

baik. Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada semua rakyat jelata Malaysia kerana mereka bersama-sama dengan kerajaan dapat kita mengawal wabak COVID-19 begitu baik dan yang telah dipuji di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agong, baginda telah meminta adanya prinsip keadilan juga mengadakan budaya politik yang bersih. Duli Tuanku telah bertitah seperti berikut, *“Sebelum Beta mengakhiri titah ini, Beta ingin berpesan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai seorang pemimpin, Ahli-ahli Yang Berhormat menjadi teladan dalam menyemai nilai-nilai positif kepada rakyat. Perbezaan pendapat tidak seharusnya diakhiri dengan permusuhan dan caci-mencaci. Sebaliknya perbezaan pendapat seharusnya menjadi landasan kepada pencetus idea-idea baharu untuk membangunkan dan menyatupadukan negara. Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah sentiasa menekankan kematangan dalam politik.”*

Akan tetapi malangnya, ada beberapa pemimpin kerajaan pusat yang tertentu tidak mematuhi Titah Duli Tuanku ini. Mereka yang tertentu ini telah merancang bersama-sama dengan beberapa pemimpin dari Sabah untuk menjatuhkan atau merampas kerajaan negeri yang diketuai oleh parti Warisan Plus. Tuan Yang di-Pertua, apa yang sangat mengecewakan adalah mereka ini menggunakan agensi-agensi atau institusi-institusi Persekutuan untuk menakutkan, mengugut dan mempengaruhi Ahli-ahli Yang Berhormat DUN dari kerajaan Warisan Plus meraih sokongan mereka kepada bekas Ketua Menteri Sabah yang sebagai Ketua Kumpulan Pembangkang ini dilantik sebagai Ketua Menteri untuk menggantikan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal.

Syukurlah Tuan Yang di-Pertua, bahawa rancangan mereka yang jahat ini gagal apabila Tuan Yang Terutama Sabah membubarkan Dewan Undangan Negeri mengikot Perlembagaan Negeri Sabah dan kembalikan kuasa dan mandat kepada rakyat Sabah untuk memilih kerajaan baharu. Saya berharap dan merayu kepada sesiapa yang mempunyai kuasa pada masa hadapan, janganlah menggunakan institusi-institusi atau agensi-agensi Persekutuan sebagai alat politik untuk memajukan agenda politik mereka. Institusi-institusi atau agensi-agensi Persekutuan haruslah digunakan untuk kepentingan negara dan rakyat jelata dan bukan untuk agenda politik mereka yang bertentangan dengan prinsip demokrasi yang negara kita amalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita merosakkan institusi-institusi Persekutuan yang penting ini akan akhirnya menghancurkan negara dan akan merugikan kita semua. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan sentuh isu Sabah, Tuan Yang di-Pertua.

■1720

Seperti mana yang kita semua maklum bahawa Sabah, bila kita setuju menubuhkan negara Malaysia, satu syarat yang diberikan untuk memujuk negeri Sabah menubuhkan satu negara baru ialah di mana dicatat dalam Perjanjian 63 Tuan Yang di-Pertua dan juga dalam-

sekarang termaktub dalam Perlembagaan iaitu 40 peratus cukai yang dikutip dari negeri Sabah mesti dikembalikan kepada negeri Sabah. Ini satu syarat yang istimewa untuk negeri Sabah, negeri Sarawak tidak ada syarat seperti ini.

Saya ingin menyebutkan peruntukan dalam Perlembagaan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bacakan. Di Jadual Kesepuluh, ini hak negeri Sabah ini termaktub dalam Jadual Kesepuluh Bahagian IV Peruntukan 2(1) adalah seperti berikut, dalam hal Sabah, pemberian yang amaunnya sama banyak dalam setiap tahun dengan dua perlima. Ertinya sama juga 40 peratus daripada amaun yang bersih yang didapati oleh Persekutuan di Sabah itu melebihi hasil bersih yang akan didapati sedemikian oleh Persekutuan dalam 1963.

Tuan Yang di-Pertua, tapi malangnya Kerajaan Persekutuan belum menjelaskan atau belum kembalikan cukai-cukai ini kepada negeri Sabah. Saya sudah berbahas berapa kali menyuarakan perkara ini di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua tetapi malangnya sampai hari ini Persekutuan belum memulakan perundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya terdengar tadi iaitu disebutkan Jadual Sepuluh...

Datuk Theodore Douglas Lind: Ya, betul Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat sebutkan balik supaya Ahli-ahli jelas yang pengembalian cukai yang dikutip. Sila.

Datuk Theodore Douglas Lind: Tuan Yang di-Pertua, Jadual Kesepuluh ya?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Theodore Douglas Lind: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: Seksyen berapa?

Datuk Theodore Douglas Lind: Jadual Kesepuluh Bahagian IV Peruntukan 2(1) adalah seperti berikut. Dalam hal Sabah pemberian yang amaunnya sama banyak dalam setiap tahun dengan dua perlima, *which is 40 percent*, daripada amaun yang bersih yang didapati oleh Persekutuan dari Sabah itu melebihi hasil bersih yang akan didapati sedemikian oleh Persekutuan dalam tahun 1963.

Jadi kalau kita baca dengan teliti Tuan Yang di-Pertua, ini jelas bahawa Kerajaan Persekutuan harus tiap-tiap tahun mengembalikan dua perlima atau 40 peratus cukai yang dikutip di Sabah kepada negeri Sabah. Ini jelas Tuan Yang di-Pertua. Jadi yang malangnya Kerajaan Persekutuan belum menjelaskan atau membalikkan cukai ini. Perkara ini sudah agak lama tertunggak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana hal ini penting maka harus diberi spesifikasinya sebab membaca Bahagian IV ini tidak sejelas mana yang disebut oleh Yang Berhormat. Lagi satu saya menasihatkan supaya kita melihat *capitation grant* yakni satu pemberian kepada negeri-negeri berhubung dengan jalan dan pembinaan struktur yang *infrastructural* sifatnya.

Jadi jangan hanya nyatakan Bahagian IV Kerajaan Persekutuan belum beri di bawah peruntukan ini tidak jelas. Jadi ini harus kita sebut sebab kita tidak mahu salah faham, interpretasi Perlembagaan. Itu komen dan pandangan yang sempat saya beri. Silakan.

Datuk Theodore Douglas Lind: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini perkara kita sudah terima, Kerajaan Persekutuan pun terima. Hanya mantan atau bekas Menteri Kewangan iaitu Yang Berhormat Lim Guan Eng telah mengatakan bahawa kerajaan tidak cukup dana untuk memberikan kembali cukai ini. Jadi perkara ini telah diterima oleh kedua-dua pihak. Hanya pada dahulu- Kerajaan Negeri Sabah tidak menuntut mengembalikan wang cukai ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi perkara ini sudah jadi *confusion* atau kebingungan kerana memang kita terima bahawa Kerajaan Persekutuan terima ini adalah hak negeri Sabah yang termaktub dalam Perlembagaan sebagai undang-undang yang *supreme*, yang paling tinggi. Kalau kita tidak patuh dengan undang-undang yang *supreme* atau Perlembagaan, mana kita boleh mentadbir negara dengan baik. Kita sebagai Menteri-menteri atau Perdana Menteri mesti patuhi dengan Perlembagaan, apa yang dicatat atau termaktub dalam Perlembagaan. Ini ada dalam Perlembagaan.

Jadi suka atau tidak suka, Kerajaan Persekutuan dikehendaki oleh Perlembagaan untuk menjelaskannya dengan secepat mungkin. Ini Tuan Yang di-Pertua kerana Sabah masih jauh ketinggalan berbanding dengan Semenanjung Malaysia dan Sabah perlu banyak peruntukan dan dana untuk menambah dan memperbaiki kemudahan hidup seharian untuk manfaat dan faedah penduduk Sabah khususnya yang tinggal di luar bandar dan kawasan terpencil.

Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga- dan saya merayu kepada kerajaan baharu ini iaitu Kerajaan Perikatan Nasional dan merayu kepada Menteri Kewangan yang baru serta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mungkin mereka ada pandangan yang lain maka boleh menjelaskan atau mulailah, kita pun belum mulai untuk berbincang bagaimana perkara ini boleh diselesaikan.

Jadi saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan dengan secepat mungkin, duduk satu meja dengan kerajaan negeri dengan Kementerian Kewangan, kedua-dua kementerian cuba cari jalan bagaimana perkara ini boleh- kerana kita tidak boleh biarkan, sudah berpuluh tahun Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti menghitung berapa Kerajaan Persekutuan telah berhutang kepada negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Tuanku dalam Titah Diraja juga mengatakan- akhirnya Tuan Yang di-Pertua. Ini Titah Duli Tuanku yang mengatakan, "*Kerajaan Beta terus berusaha untuk merapatkan jurang pembangunan dan ekonomi antara negeri dan wilayah.*" Tuanku pun sudah bertitah bahawa kita mesti merapatkan dua-dua wilayah. Kita jauh ketinggalan Tuan

Yang di-Pertua. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun pernah melawat Sabah dan tahu keadaan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat- saya baru balik daripada kawasan saya di Ulu Tomani Tuan Yang di-Pertua dan jalan itu hanya 30 batu. Bila saya- ini sudah lima penggal atau Kerajaan Barisan tetapi kerajaan itu sama sahaja, keadaannya sama, batu semua di tengah jalan. Bila hujan tidak boleh melintas Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita mintalah, merayu kepada kerajaan. Kita mintalah mana hak kita supaya kita boleh membangunkan negeri kita. Itu saya minta Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Jam sudah menunjukkan 5.30 petang. Kalau Yang Berhormat boleh tamatkan kita setuju tambah seminit dua? Kalau tidak, sambung esok.

Datuk Theodore Douglas Lind: Ya, saya lima minit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jadi dengan itu saya harap Kerajaan Persekutuan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan mematuhi Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kembalilah cukai yang berkenaan ke Sabah secepat yang mungkin.

Di sini juga saya hendak tanya Kerajaan Persekutuan, Sabah telah lama minta bahawa hasil pulangan kepada negeri Sabah, daripada hasil minyak dan gas ditambah dari lima peratus kepada 20 peratus. Soalan saya kepada Kerajaan Persekutuan ialah, bilakah permintaan negeri Sabah ini dengan tambahan hasil pulangan daripada gas dan minyak akan dinaikkan kepada lima peratus ke 20 peratus?

Sebelum ini juga Tuan Yang di-Pertua, sebelum kerajaan negeri dan Sarawak dan Kerajaan Persekutuan telah berunding- saya ingat dalam masa setahun sebelum Kerajaan Perikatan ini ditubuhkan atau diadakan dan telah bersetuju untuk kembalikan hak negeri Sabah. Sudah bersetuju 17 daripada 21...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok?

Datuk Theodore Douglas Lind: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai. Peraturan menunjukkan 5.30 petang. Kalau hendak disambung esok dibenarkan sebentar.

Datuk Theodore Douglas Lind: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya menyokong Usul Menjunjung Kasih. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 3 September 2020.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang]